

Jilid II  
Bil. 6



Hari Selasa  
20hb Mac, 1984

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KEENAM  
*Sixth Parliament*

PENGGAL KEDUA  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 813]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT** [Ruangan 862]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1982 dan 1983)** [Ruangan 863]

**Jawatankuasa—**

**Jadual Pertama:**

**Maksud B. 31** [Ruangan 934]

**Jadual Kedua:**

**Maksud B. 1, B. 2 dan B. 7** [Ruangan 923]

**Maksud B. 21** [Ruangan 928]

**Maksud B. 27** [Ruangan 928]

**Maksud B. 28** [Ruangan 934]

**Maksud B. 30 dan B. 31** [Ruangan 935]

**Maksud B. 36 dan B. 37 dan B. 40** [Ruangan 936]

## KANDUNGANNYA—(samb.)

### USUL-USUL:

#### Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4), 1982 [Ruangan 870]

##### Jawatankuasa—

- Maksud P. 7 [Ruangan 923]
- Maksud P. 24 [Ruangan 924]
- Maksud P. 25 [Ruangan 925]
- Maksud P. 30 [Ruangan 928]
- Maksud P. 32 [Ruangan 935]
- Maksud P. 21 dan P. 41 [Ruangan 936]

#### Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1983 [Ruangan 870]

##### Jawatankuasa—

- Maksud P. 7 dan P. 9 [Ruangan 923]
- Maksud P. 15 dan P. 17 [Ruangan 924]
- Maksud P. 19 [Ruangan 924]
- Maksud P. 20 [Ruangan 925]
- Maksud P. 27 [Ruangan 928]
- Maksud P. 28 [Ruangan 934]
- Maksud P. 29 dan P. 32 [Ruangan 935]
- Maksud P. 34 [Ruangan 936]
- Maksud P. 36, P. 37, P. 38, P. 41, P. 42 dan P. 43 [Ruangan 936]

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*  
**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,  
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M.  
(Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO  
MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S.  
(Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO  
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

.. Menteri Kerja Raya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S.,  
P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN  
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

.. Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH  
BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y. M. TENGKU DATO'  
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,  
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. MENTERI KEWANGAN, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH  
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu  
Kelantan).

.. Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M.,  
J.M.N. (Batu Berendam).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,  
D.P.C.M. (Taiping).

.. Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T,  
P.P.T. (Kuala Terengganu).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK  
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,  
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD,  
P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

.. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

.. Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).

.. Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

.. Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S. K.M.N. (Pulai).

.. Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).

.. Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABU SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

.. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).

.. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).

.. Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

.. Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

.. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

.. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).

.. Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).

.. Timbalan Menteri Kerja Raya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).

.. Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

.. Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).

.. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).

.. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, BELIA DAN SUKAN, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- .. Timbalan Menteri Penerangan PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- .. Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- .. TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- .. DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- .. TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Murudu).
- .. TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- .. DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- .. TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K (Ulu Terengganu).
- .. TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- .. TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- .. TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- .. TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- .. DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- .. TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- .. TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).

Yang Berhormat DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- .. TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- .. TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- .. TUAN EDWIN ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- .. DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- .. DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- .. TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED. K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- .. TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- .. DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- .. TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.N. (Jerai).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- .. DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN JUSTINE ANAK JIGGUT (Ulu Rajang).
- .. DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. TUAN KAN YU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- .. TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- .. TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- .. DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- .. DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- .. DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- .. TUAN LING SIE MING (Sibu).
- .. TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- .. TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- .. TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- .. TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- .. TUAN MOHAMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- .. DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- .. DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- .. TUAN PATRIK ANEK UREN (Mas Gading).
- .. TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I (Kluang).
- .. TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- .. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- .. TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

- Yang Berhormat TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHBUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- .. TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- .. TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- .. WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- .. WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- .. WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- .. TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- .. DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.  
(Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

---

Selasa, 20hb Mac, 1984

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

**PENGIMPORAN ALAT  
PENERIMAAN SATELIT—  
MENGHARAMKAN**

**1. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Penerangan menyatakan sama benar Kerajaan sedang menimbang mengambil langkah-langkah untuk mengharamkan pengimportan alat penerima pancaran satelit untuk menghalang rakyat Malaysia daripada menonton rancangan-rancangan televisyen luar negeri apabila Sistem Penyiaran Langsung (Direct Broadcasting System) diperkenalkan dalam masa tiga atau empat tahun ini yang akan membolehkan para penonton menonton televisyen menerima rancangan televisyen dari seluruh dunia.

**Menteri Penerangan (Dato' Seri Mohd. Adib bin Mohd. Adam):** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sepatutnya ditujukan kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Walau bagaimanapun memandangkan ianya

ada kaitan dengan RTM dari segi kandungan televisyen. Maka Jawapan saya ialah:

- (a) Pada masa ini Kerajaan belum lagi memutuskan dasar berhubung dengan penyiaran secara langsung melalui Satelit atau Direct Broadcasting by Satellite. Perkara-perkara yang menjadi masalah seperti, dengan izin, controversial broadcasting and prior consent sedang dibincangkan di mesyuarat-mesyuarat peringkat antarabangsa terutama sekali di kalangan negara-negara membangun sendiri.
- (b) Soal sama ada alat penerima pancaran atau disc antennae itu akan diharamkan ataupun tidak akan diimbang apabila tetap waktunya kelak. Ini ialah kerana kita tidak tahu dan tidak boleh menjangka apa-apa perkembangan-perkembangan yang akan berlaku dalam bidang ini dalam tiga atau empat tahun yang datang. Maka oleh kerana itu Kerajaan tidaklah boleh membuat sesuatu peruntukan undang-undang pada ketika ini yang berasaskan kepada ramalan semata-mata.
- (c) Buat sementara ini memadailah bahawa kita menyedari secara umum tentang kemungkinan-kemungkinan pencerobohan media melalui DBS supaya jika ianya berlaku kelak kita tidak akan terperangkap dalam satu suasana kelalaian.

Walau bagaimanapun bahagian II (Hak Istimewa dan Kuasa Kerajaan) Seksii 3, "Akta Telekomunikasi 1950" (Revised 1970) mengenai orang awam memilik dan memasang apa juga jenis sistem penerima isyarat, tulisan, imej, bunyi atau apa jua perkara yang dapat difahami menerusi apa juga jenis sistem adalah dikawal oleh Akta ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini timbul oleh kerana pendirian khasnya Yang Berhormat Menteri sendiri yang ada menunjukkan bahawa beliau mahu satu pengharaman terhadap DBS siap sedia boleh diterima. Adakah ini menunjukkan bahawa Jawatankuasa-jawatankuasa ada ditubuhkan khasnya dalam Kementerian Penerangan untuk kajian semua aspek perkara ini.

**Dato' Seri Mohd. Adib bin Mohd. Adam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengumumkan sekadar untuk mewujudkan (awareness) kesedaran terhadap bahaya-bahaya siaran langsung menerusi satelit ini dan dalam pada itu Kementerian sedang menyediakan satu laporan lengkap sekarang berbentuk draft infrastructure kejuruteraan untuk penyiaran hingga tahun 2,000. Dan dalam kajian ini kita akan mengkaji semua aspek hardware dan softwarenya.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri Penerangan, apakah beliau sedar adanya siaran-siaran televisyen negara jiran yang menyiarkan program-program yang agak tidak sesuai ditonton oleh anak-anak kita terutama bagi negeri-negeri dalam Malaysia yang berhampiran dengan batas sempadan negara asing.

**Dato' Seri Mohd. Adib bin Mohd. Adam:** Tuan Yang di-Pertua, kita sedar dan sedang memonitor, mengesan

limpahan siaran daripada Singapura, daripada Thailand, daripada Brunei dan juga daripada Indonesia.

Dan kita sedar bahawa ada program-program yang dipancarkan oleh televisyen negara jiran ini tidak sesuai dengan penonton- penonton kita dan kita sedang mencari jalan bagaimana hendak mengatasinya dan satu daripada cara yang paling positif ialah untuk membaiki lagi dan menandingi serta menyaingi program-program televisyen asing ini dengan limpahan siarannya sama ada menerusi penjadualan dan sebagainya.

Seperti di Singapura kita hadapi tiap-tiap kali kita ubah penjadualan, mereka ubah penjadualan kita. Misalnya kita mengadakan warta berita pada pukul 8.00 dalam Bahasa Malaysia, Singapura akan mengadakan pukul 7.30 warta beritanya dan pukul 8.00 dia akan mengadakan siaran-siaran muzik yang popular untuk menarik penonton-penonton kita dan kita sentiasa mengawasinya dan akhir-akhir ini dapat juga sedikit sebanyak mengatasi masalah limpahan siaran ini.

## ISU AGAMA DI KALANGAN ORANG ISLAM

**2. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan menyedari bahawa isu-isu agama merupakan isu yang sangat sensitif di kalangan orang Islam dan kegiatan dakwah dan majlis-majlis usrah dieksploitasikan oleh pihak yang tertentu dengan mengeluarkan fatwa-fatwa agama sendiri di samping dijadikan majlis ini gelanggang untuk mengecam Kerajaan. Apakah langkah-langkah positif yang telah dan akan diambil bagi membentasi kegiatan-kegiatan ini yang ternyata telah banyak berjaya memesonkan

kepercayaan rakyat kepada Kerajaan, memecah-belahkan perpaduan orang-orang Islam dan lebih lagi mengancam keselamatan negara.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Awang bin Jabar):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa isu-isu agama merupakan isu yang sangat sensitif khususnya di kalangan masyarakat Islam di negara ini. Kerajaan juga memang sedar tentang adanya golongan-golongan tertentu yang mengambil kesempatan dengan mengeluarkan fatwa-fatwa dan mencerca Kerajaan dengan menggunakan isu-isu agama di dalam majlis-majlis ceramah, usrah dan sebagainya dengan berselindung di sebalik aktiviti keagamaan.

Kerajaan sememangnya mengawasi kegiatan seperti ini dari semasa ke semasa dan jika didapati terbukti jelas kegiatan tersebut mengancam keselamatan negara maka pihak Kerajaan tidak teragak-agak mengambil tindakan undang-undang sewajarnya.

Untuk membentaras kegiatan-kegiatan yang seumpama itu Kerajaan telah pun mewujudkan peruntukan baru undang-undang Kanun Keseksaan di dalam Penal Code dan Kanun Acara Jenayah di mana tindakan undang-undang boleh diambil terhadap mereka yang menggunakan isu keagamaan yang boleh menjejaskan perpaduan, keharmonian masyarakat serta juga keselamatan negara.

Selain daripada langkah-langkah yang tersebut itu pihak yang berkuasa agama di negeri-negeri dan juga badan-badan dakwah Kerajaan sentiasa mengawasi kegiatan-kegiatan pendakwah dan tindakan yang sewajarnya diambil terhadap kes-kes yang bertentangan dengan undang-undang pentadbiran agama Islam.

Di samping itu penerangan-penerangan serta penjelasan yang seluas-luasnya sentiasa diberikan kepada masyarakat umum tentang kedudukan yang sebenar berhubung dengan perkara-perkara berkaitan dengan fatwa dan lain-lain perkara sama ada dari segi akidah, fikiran ataupun tafsiran yang boleh mengelirukan umat Islam.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Setiausaha Parlimen telah menerangkan bahawa satu daripada langkah Kerajaan di dalam menyekat perkembangan mereka yang tidak bertanggungjawab seperti yang terkandung dalam soalan ini iaitulah Kerajaan telah mengadakan satu undang-undang yang dinamakan Kanun Keseksaan.

Saya ingin tahu setelah undang-undang ini berjalan kuatkuasanya sudah berapa kes-kes yang telah diambil tindakan oleh Kerajaan berkenaan dengan mereka yang melanggar undang-undang ini.

Kedua, memandangkan Majlis Kebangsaan Halehwal Agama Islam di peringkat kebangsaan ini sudah ada sebuah jawatankuasa fatwanya dan juga di peringkat negeri-negeri juga ada jawatankuasa fatwanya, adakah Kerajaan akan mengeluarkan satu peraturan untuk melarang sebarang orang untuk mengeluarkan apa-apa fatwa selain daripada fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis di peringkat kebangsaan atau negeri-negeri.

**Tuan Awang bin Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, menerusi pindaan undang-undang yang baru yang saya sebutkan tadi beberapa kes telah selesai dijalankan di Terengganu dan berhubung dengan perkara yang kedua mengenai penyelarasan fatwa, sememangnya tiap-tiap negeri berkaitan dengan fatwa memang tiap-tiap negeri mengikuti undang-undang

pentadbiran Hukum Syarak masing-masing dikenakan ataupun terpaksa melalui jawatankuasa fatwa ataupun mufti di negeri masing-masing.

**Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen setakat manakah kejayaan orang-orang yang dikatakan telah banyak berjaya memesonakan rakyat dan menggunakan isu-isu agama dan adakah mereka yang terlibat telah dipengaruhi dan mendapat galakan daripada anasir-anasir luar yang mengancam keselamatan negara ini.

**Tuan Awang bin Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang menggunakan isu agama untuk menjejaskan ketenteraman negara ini ataupun masyarakat di negeri kita ini ada sebahagian daripadanya dipengaruhi oleh anasir-anasir luar sama ada anasir-anasir politik dan berbagai-bagai lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Justine Jinggut.

**Tuan Justine Jinggut:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya itu telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri minggu yang lepas.

#### SIARAN RADIO/TV—SISTEM PEMANCAR

**4. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Penerangan menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa masih ramai di kalangan rakyat Malaysia yang belum menerima penyiaran Radio dan TV secara yang jelas kerana sistem pemancar yang ada sekarang adalah tidak sesuai dan adakah sistem pemancar yang boleh menguatkan penerimaan siaran akan digunakan tidak lama lagi.

**Timbalan Menteri Penerangan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia sedar bahawa ada beberapa kawasan di Malaysia di mana penerimaan pancaran radio dan televisyen tidak memuaskan. Keadaan ini adalah disebabkan keadaan permukaan bumi kita yang bergunung-gunung dan dengan demikian banyak kawasan terlindung dari pancaran radio dan televisyen.

Atas kesedaran ini maka Kementerian Penerangan telah mengambil tindakan untuk mengimplimentasikan projek-projeknya mengikut fasa. Fasa tambahan untuk Projek pancaran radio sudah dirancang untuk meliputi pancaran Gelombang FM. Dengan siapnya fasa-fasa tambahan ini maka penerimaan pancaran FM akan sampai kepada sebahagian besar penduduk-penduduk di negara kita.

Pancaran TV juga akan tercapai sehingga ianya meliputi 98% penduduk negara kita jika fasa-fasa implimentasi projek TV siap. Fasa-fasa tambahan untuk pancaran TV akan melibatkan penggunaan stesen TV jenis UHF di mana 40 stesen akan terlibat. Dari segi penggunaan sistem pemancar yang lain Kementerian ini sedang meneliti ujian-ujian yang sedang dijalankan di negara-negara lain.

Di samping itu kajian menyeluruh mengenai prasarana kejuruteraan sedang giat disiapkan untuk mengunjorkan keperluan kita sehingga tahun 2000 untuk menghadapi perkembangan dan cabaran-cabaran teknologi masa depan.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan salah satu sebab kerana terdapat pengguna-pengguna TV tidak dapat menerima siaran yang baik kerana

keadaan muka bumi yang bergunung-ganang dan berbukit-bukit.

Soalan saya, pertama setakat ini sudahkah pihak Kementerian mengenalpasti mana-mana kawasan yang dimaksudkan itu dan berapa peratuskah kawasan-kawasan yang dapat menerima siaran TV ini dengan baik.

**Puan Hajjah Rahmah binti Othman:** Tuan Yang di-Pertua, tadi ada saya sebutkan dalam penjelasan saya bahawa kita sudahpun mengenalpasti kawasan-kawasan yang dipersoalkan itu dan kita sekarang sedang menyiapkan fasa-fasa tambahan itu.

#### KEMPEN MEMBACA— PELANCARAN

**5. Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basari** minta Menteri Pelajaran menyatakan sejak kempen membaca dilancarkan hingga ke peringkat kebangsaan apakah kemajuan yang telah dicapai untuk mewujudkan tradisi membaca di kalangan kanak-kanak sekolah dan juga masyarakat bumiputera amnya.

**Dato' Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam:** Tuan Yang di-Pertua, Kempen membaca dilancarkan dalam tahun 1980, beberapa kesan yang mengalakkan telah dapat dilihat untuk mewujudkan tradisi membaca di kalangan kanak-kanak sekolah dan juga masyarakat bumiputera di Malaysia ini.

Kemajuan yang telah dicapai, antara lain, ialah pertama, Projek Pesta Buku Malaysia yang diadakan semenjak tahun 1982 telah mendedahkan masyarakat kepada penerbitan buku dan majalah Malaysia dan penerbitan luar negeri.

Pesta Buku Pertama tahun 1982 telah menarik pelawat seramai 40,000 orang. Tahun 1983 jumlah yang melawat Pesta Buku 1983 meningkat kepada 70,000 orang. Ini menunjukkan kesedaran terhadap buku dan pembacaan. Hasil jualan buku pula berjumlah \$150,000 bagi tahun 1982 dan meningkat kepada \$500,000 bagi tahun 1983.

Sejak kempen membaca diadakan melalui media massa dan TV, kesedaran membaca telah meningkat di kalangan rakyat Malaysia khususnya masyarakat bumiputera.

Dalam tahun 1980 lebih kurang 800 judul buku dalam Bahasa Malaysia telah diterbitkan. Sementara dalam tahun 1982 jumlahnya telah meningkat kepada lebih 2,000 judul.

Percetakan buku dalam Bahasa Malaysia bertambah dari 3,000 naskah kepada 5,000 naskah bagi buku bacaan umum jumlah cetakan majalah juga telah bertambah:

<i>Nama Majalah</i>	1979	1983
	(Naskah)	(Naskah)
Dewan Masyarakat . . . . .	480,000	720,000
Utusan Radio/TV (URTV)	293,320	1,243,000
Variasari . . . . .		720,000

Perkhidmatan Perpustakaan baik Perpustakaan Awam, mahupun perpustakaan sekolah telah bertambah. Perkhidmatan Perpustakaan awam telah bertambah dan telah memberikan perkhidmatan kepada masyarakat bumiputera luar bandar melalui perpustakaan bergerak yang membuat 542 hentian di luar bandar. KEMAS, FELDA, RISDA telah mengadakan bilik bacaan sejumlah 227 buah di rancangan mereka.

Murid-murid sekolah juga mendapat manfaat 'dari projek Gerakan Membaca ini. Sekolah-sekolah yang mengadakan perkhidmatan perpustakaan telah bertambah dari 85 buah sekolah kepada 91 sekolah. Minat membaca di kalangan murid-murid makin bertambah kebelakangan ini, dilihat dari jumlah pinjaman buku-buku yang bertambah. Di setengah-setengah sekolah pula ada bukti yang menunjukkan penguasaan Bahasa Malaysia telah meningkat di lihat dari peratus murid-murid yang lulus Darjah V.

Minat membaca telah meluas dengan adanya dorongan dari guru-guru yang mengadakan berbagai kegiatan untuk murid-murid. Sambutan dari murid-murid sangat menggalakkan. Antara kegiatan yang diadakan ialah seperti Peraduan Bercerita dan Kuiz mengenai buku di peringkat sekolah dan negeri.

Sukacita dimaklumkan bahawa gerakan membaca ini ditujukan khas kepada mereka yang di luar sistem persekolahan formal. Mereka yang menjalankan projek gerakan membaca ini adalah secara sukarela sahaja.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum soalan tambahan, saya hendak menerangkan sedikit bahawa selain pesta buku, kempen membaca itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tak dapat membenarkan penerangan selain daripada soalan tambahan.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Terima kasih. Apa yang mustahak sekali ialah perpustakaan sekolah, adakah Menteri berkenaan sedar bahawa perpustakaan sekolah ini tidak sesuai sebagai perpustakaan sekolah, cuma bukunya ada sedikit sangat. Adakah pihak Kementerian ini hendak membanyakkan buku tiap-tiap

sekolah supaya kanak-kanak ini boleh membaca dan mengatasi kempen membaca, pesta buku tidak bermakna semua.

**Dato' Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian akan mengambil perhatian.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, mengenai pesta buku dan pameran buku-buku seperti yang dinyatakan, banyak diadakan. Soalan saya adakah Kerajaan mengawal pameran buku dan pesta buku, dari sudut isi buku-buku yang hendak dipamerkan sama ada kandungan buku-buku tersebut sesuai untuk kanak-kanak yang pergi melihat pameran dan pesta buku tersebut.

Yang kedua, apakah sumbangan yang boleh diberikan oleh Kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran di dalam usaha mewujudkan dan memperluaskan lagi penggunaan perpustakaan-perpustakaan awam di daerah-daerah dan juga di peringkat mukim-mukim.

**Dato' Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam:** Tuan Yang di-Pertua, badan yang mengelolakan projek gerakan membaca ini sentiasa mengawal akan kandungan-kandungan buku dan Kementerian juga difahamkan memberikan kerjasama dan mengenai penggunaan perpustakaan ini sebenarnya di bawah kelolaan Perpustakaan Negara dan banyak juga Perpustakaan Negara memberi bantuan kepada perbadanan-perbadanan Perpustakaan Negeri yang menyediakan bahan-bahan yang cukup seperti "Book Boxes" kepada sekolah-sekolah atau kotak-kotak. Kalau tidak ada Perpustakaan Bergerak, mereka menggunakan Book Boxes ataupun kota-kota buku yang dihantar ke pusat-pusat tertentu yang dilelolakan sama

ada oleh perbadanan Perpustakaan Negeri atau Perpustakaan Negara sendiri.

**Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mohon penjelasan dari Pemangku Menteri Pelajaran untuk menjelaskan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk menggalakkan kanak-kanak sekolah luar bandar di Sabah untuk membaca sedangkan buku-buku amat sukar sekali didapati di luar bandar di Sabah.

**Dato' Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam:** Tuan Yang di-Pertua, saya perlukan notis mengenai perkara ini untuk menyiasat lebih lanjut.

#### KERAJAAN CAMPURAN KAMPUCHEA—BANTUAN MALAYSIA

**6. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah tindakan selanjutnya bagi mengatasi kegagalan usaha Kerajaan Malaysia untuk membantu penubuhan Kerajaan Campuran Kampuchea pimpinan Putera Norodom Sihanouk dan menentang pencerobohan Vietnam terhadap rakyat Kampuchea dan beberapa buah negarakah yang telah mengiktiraf Kerajaan Campuran Kampuchea setakat ini.

**Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia, Kerajaan kita tidak pernah dan tidak akan melibatkan diri, jauh sekali menyertai di dalam penubuhan sesuatu Kerajaan asing, itu campurtangan namanya.

Apa yang kita telah lakukan mengenai penubuhan Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea

ialah sekadar mendorong ketua ke tiga-tiga puak berkenaan itu iaitu Putera Sihanouk, Encik Soon Sann dan Encik Khieu Samphan mengadakan pertemuan di Kuala Lumpur bagi mengatasi masalah yang mereka hadapi.

Berikutan dari pertemuan ini, mereka bertiga telah mencapai kata sepakat dan hasilnya ialah penubuhan sebuah Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea dalam bulan Julai, 1982 di suatu kawasan di Kampuchea.

Semenjak pembentukan Kerajaan Campuran tersebut, beberapa perkembangan telah berlaku dalam usaha mencari penyelesaian politik mengenai soal Kampuchea ini. Ini termasuklah perpaduan dan kerjasama yang semakin erat dan semakin baik di antara puak-puak Kerajaan Campuran untuk menentang penjajahan dan penaklukan Vietnam ke atas negara mereka.

Oleh yang demikian, kekuatan pejuang-pejuang Kerajaan Campuran (CGDK) telah pun meningkat dan berkembang. Kalangan antarabangsa pun telah semakin memahami maksud dan pendirian ASEAN tentang mengapa Kerajaan CGDK yang dipimpin oleh Sihanouk patut diberi segala sokongan dan bantuan moral dan material. Pihak China juga adalah positif di dalam mencari penyelesaian berkenaan Kampuchea ini.

Tambahan pula, sebagaimana yang saya telah sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini pada 16hb Mac, 1984, jika dahulunya Menteri Luar Vietnam Encik Co Thach menyatakan bahawa keadaan di Kampuchea itu tidak boleh dan dia tidak mahu mengubahkan lagi atau "irreversible", beberapa hari yang lalu baik di Jakarta atau pun di Canberra, beliau telah menyebut dan menyatakan soal ini boleh dirundingkan. Ini bermakna bukanlah lagi irreversible, tetapi "negotiable".

Semua ini membawa penghasilan yang memberi cahaya harapan walaupun kecil untuk tercapainya penyelesaian yang memuaskan kepada semua pihak.

Saya juga ingin menyatakan bahawa Menteri Luar Australia juga ada menyebut bahawa ia mulai menaruh sedikit harapan, perkataan Inggeris yang beliau gunakan "light at the end of the tunnel"—selepas perbincangannya dengan Menteri Luar Vietnam Encik Co Thach baru-baru ini

Oleh itu segala usaha ke arah mencari penyelesaian politik di atas soal Kampuchea tidak menghadapi kebuntuan malah telah menunjukkan kemajuan. Anggota ASEAN masing-masing akan terus berbincang dengan negara-negara yang berkaitan dan juga negara-negara yang mengambil berat di atas hal ini, untuk mencari pendekatan-pendekatan bagi pengunduran sepenuhnya tentera Vietnam dari Kampuchea supaya dapat diwujudkan satu pungutan suara rakyat Kempuchea tanpa paksaan, dengan matlamat mendirikan sebuah pemerintahan dan negara yang bebas dan merdeka.

Hari esok saya akan berbincang dengan Pengerusi Jawatankuasa ASEAN iaitu Professor Mokhtar, Menteri Luar Indonesia untuk bertukar pendapat tentang perkembangan yang terakhir. Seajar dengan perkembangan yang saya sebutkan itu soal pengiktirafan terhadap Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea juga telah bertambah baik.

Di Perhimpunan Agung pada tahun 1982, 29 buah negara sahaja daripada 156 negara telah membantah tauliah Kerajaan Campuran, Kerajaan Sihanouk. Dalam Perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu dalam tahun lalu tauliah Kerajaan Sihanouk telah diterima oleh Perhimpunan Agung tanpa ditentang oleh Vietnam atau

sekutu-sekutunya buat pertama kalinya.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Usaha Yang Berhormat adalah di dalam Bangsa-bangsa Bersatu, suatu langkah yang betul dan saya hendak mengetahui dari segi ASEAN dan Malaysia, apakah garisan dorongan berakhir, bilakah garisan campur tangan bermula memandangkan perkembangan sekarang.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, kurang faham saya atas maksud soal itu. Cuba sekali lagi?

**Dr Tan Seng Giaw:** Soalnya ialah bagaimana kita membezakan usaha dorongan ke atas Kerajaan campuran ini dan usaha campur tangan kerana sangat susah hendak membezakannya.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah soal prinsip iaitu apakah apa yang dikatakan intereference dan apakah yang dikatakan dorongan. Kalau di dalam soal dorongan kita memberi tempat untuk mengajak dan memujuk mereka. Tetapi kalau soal campur tangan atau apa yang dikatakan tadi intereference bermakna kita mengatakan orang ini jadi Menteri, orang ini jadi Presiden. Itu maksud campur tangan. Maksud ini tidak sekali-kali terjadi di dalam hal ini.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Luar, dengan dorongan yang dibuat oleh negara kita ini sudah tentulah tertubuh Kerajaan Campuran ini. Dan tidakkah dengan dorongan ini akan menimbulkan sakit hati pemimpin-pemimpin negara Vietnam sendiri terhadap negara kita dan mungkin menjadikan satu sebab untuk mereka pula bermusuh dengan negara kita. Dan dengan ini apakah setakat ini

reaksi daripada pemimpin Vietnam ini terhadap negara kita?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, soal ini pelek sedikit kerana maksud kita adalah mencari penyelesaian. Dan di dalam mencari penyelesaian sudah tentu penyelesaian ini tidak akan memuaskan hati orang yang menduduki atau mencerobohi satu negeri yang lain sudah tentu perkara yang kita lakukan itu iaitu mendorong orang-orang Kampuchea yang mahu bebas dan merdeka itu akan membawa kepada ketidaksenangan hati mereka di Vietnam tetapi ini tidak membawa kepada permusuhan. Tidak sekali-kali, kerana dari segi prinsipnya saya kira dalam hati kecilnya dia pun percaya bahawa dia tidak betul, dia itu salah melanggar negeri orang.

**Tuan Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, tidak lama dahulu pernah Presiden Kerajaan Campuran Kampuchea Putra Norodom Sihanouk menyatakan hasrat beliau hendak meletak jawatan daripada menyertai Kerajaan Campuran. Apakah sebab-sebabnya menyebabkan beliau menyatakan hasrat beliau untuk meletakkan jawatan itu.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Soal ini sebenarnya tidak timbul kerana adalah didapati di dalam siaran di dalam akhbar yang menyatakan yang dia hendak meletakkan jawatan. Yang sebenarnya dia tidak membuat kenyataan demikian.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, ini masalah Vietnam dengan Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea. Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa Menteri Luar Vietnam telah pun memberi jalan kepada kita bahawa boleh dirundingkan sekarang ini berhubung dengan masalah Vietnam dan

Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea. Tetapi adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa satu-satunya isu yang diberi keutamaan dalam masalah ini ialah supaya Khmer Rouge iaitu sebagai satu kuasa dalam Kerajaan Campuran ada sekarang hendaklah dikeluarkan sebagai satu kuasa politik dan juga sebagai satu kuasa tentera. Jadi, adakah ini merupakan satu muslihat Menteri Luar Negeri Vietnam, Co Thach untuk melaga-lagakan parti-parti komponen yang terdapat dalam Kerajaan Campuran Vietnam. Jadi, apakah sikap Yang Berhormat Menteri berhubung dengan isu utama yang dibangkitkan oleh Menteri Luar Negeri Vietnam ini.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu dari pihak Vietnam dia tidak akan mempersetujui adanya Khmer Rouge itu di dalam Kerajaan Campuran. Tetapi ini adalah perkara yang dikatakan tadi "negotiable". Kita juga tidak akan mempersetujui sekiranya dituntut oleh Vietnam bahawa Heng Samrin mestilah pula dicampurkan di dalam perbincangan. Perkara ini semua akan difikirkan, dicarikan punca dan rangka supaya dapat kita mencari satu-satu penyelesaian. Jadi, pada pihak kita, kita menerima semua unsur-unsur ini dan kita carilah dan kita pilihlah mana-mana yang baik untuk membawa penyelesaian-penyelesaian yang boleh diterima, bukan oleh kita tetapi oleh rakyat Kampuchea.

#### SISTEM LIGHT RAIL TRANSIT BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN

7. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan pendirian Kerajaan mengenai mengadakan sistem Light Rail Transif bagi Wilayah Persekutuan memandangkan harganya yang tinggi. apakah langkah-langkah yang

Kerajaan bercadang akan ambil untuk mencari wang bagi projek ini sekiranya akan dilaksanakan dan apakah kemajuan yang telah dibuat setakat ini untuk mengadakan sistem LRT.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussain Tambakau):** Tuan Yang di-Pertua, dari segi kemajuan pelaksanaan projek LRT setakat ini kajian-kajian terperinci dari segi kewangan, trafik serta aspek-aspek teknikal yang lain bagi fasa pertama sepanjang 18.5 kilometer dari Sentul ke Petaling Jaya telah disiapkan. Tarikh dan masa sebenar pelaksanaan projek LRT ini akan ditentukan oleh Kerajaan tidak beberapa lama lagi. Kementerian saya telah meneliti pelaksanaan bagi membiayai sistem LRT ini. Dari Kajian yang dibuat cara yang paling sesuai bagi membiayai pelaksanaan sistem LRT ini ialah melalui pinjaman luar negeri dan penjualan sebahagian tanah-tanah kosong yang terdapat di sekitar Wilayah Persekutuan ini. Walaupun kriteria kos bagi projek ini tinggi tetapi pelaksanaan projek LRT ini perlu juga dilihat dari segi faedahnya terutama dalam usaha mengatasi masalah kesesakan lalulintas di Bandaraya ini.

Projek ini seterusnya dijangka akan memberi keselesaan serta faedah ekonomi yang lain kepada semua pengguna jalan dan seluruh masyarakat di Wilayah Persekutuan ini amnya.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu siapa yang telah dilantik oleh Kerajaan untuk membuat kajian fisibiliti tentang pelaksanaan projek sistem transit laju ini dan sama ada pihak Kerajaan telah menerima laporan daripada pakar perunding ini untuk mengkaji fisibiliti projek ini dan

sama ada pihak Kabinet telah menerima, sama ada pihak Kerajaan juga telah siap mengkaji laporan itu.

**Tuan Ahmad Shah Datuk Hussein bin Tambakau:** Tuan Yang di-Pertua, pihak yang terlibat dalam Rancangan Projek LRT ini ialah Belgium Consortium Company dan saya telah pun mengatakan tadi bahawa kajian-kajian terperinci dari segi kewangan, traffic serta aspek-aspek teknikal yang lain bagi Fasa Pertama sepanjang 18.5 km itu telah pun disiapkan dan Kerajaan akan mengambil ketetapan tidak berapa lama lagi.

**Dr Tan Seng Giaw:** Soalan tambahan. Adakah projek ini akan diswastakan seperti mana yang terdapat dengan aerobus.

**Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussain Tambakau:** Kalau sekiranya ada minat daripada pihak swasta kita akan mempertimbangkan.

#### **MURID MELAYU/BUMIPUTERA DI SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CINA)**

**8. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah murid-murid Melayu di sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan adakah benar mereka menghadapi kelemahan dalam mata pelajaran Bahasa Cina dan lain-lain mata pelajaran yang diajar di dalam Bahasa Cina. Bagaimanakah prestasi mereka dalam peperiksaan Penilaian Darjah Lima berbanding dengan murid-murid Cina. Adakah benar murid-murid Cina juga lemah dalam Bahasa Cina, disebabkan Bahasa Mandarin adalah satu bahasa yang baru bagi mereka yang biasanya bertutur dalam berbagai-bagai Bahasa "dialect". Jika benar, apakah langkah-langkah mengatasinya.

**Menteri Penerangan (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah bilangan murid Melayu dan Bumiputera di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) pada tahun 1983 di seluruh negara ialah seramai 14,246 orang.

Setakat ini Kementerian Pelajaran belum lagi menjalankan kajian khas mengenai prestasi murid-murid Melayu di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina).

Mengikut maklumat yang diterima daripada Lembaga Peperiksaan, perangkaan bagi Peperiksaan Penilaian Darjah Lima adalah disediakan mengikut aliran bahasa penghantar masing-masing iaitu Bahasa Melayu, Cina dan Tamil, secara keseluruhan dan tidak mengikut kaum. Oleh itu Kementerian Pelajaran tidak dapat memberi prestasi murid-murid Melayu ataupun Cina di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dalam mata pelajaran Bahasa Cina ataupun lain-lain mata pelajaran secara berasingan.

Sehingga kini Kementerian Pelajaran juga belum lagi membuat sebarang kajian khas mengenai pencapaian murid-murid Cina dalam mata pelajaran Bahasa Mandarin. Walau bagaimanapun, peratus pencapaian Bahasa Cina di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) bagi seluruh negara sejak tiga tahun yang lalu adalah memuaskan, iaitu melebihi 65%.

**Tuan Chan Kok Kit:** Soalan tambahan. Berkaitan dengan soalan kelemahan murid-murid dalam Bahasa Cina di sekolah rendah Cina, sama ada Yang Berhormat Menteri sedar dalam Peperiksaan Penilaian Darjah Lima tahun 1981 sebanyak 32.8% murid-murid sekolah-sekolah tersebut telah gagal dalam mata pelajaran Bahasa Cina dan ini adalah satu perkara yang serius. Jika ia, adakah keadaan ini

disebabkan kerana kekurangan peningkatan dan perhatian yang diberi oleh Kerajaan. Dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk membaiki serta meningkatkan mutu Bahasa Cina di sekolah-sekolah rendah Cina.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak benarkan soal itu. Soal asal ialah berkenaan dengan murid-murid Melayu di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina).

**Tuan Gooi Hock Seng:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan memberi tahu sama ada Kerajaan akan memperkenalkan satu dasar untuk menggalakkan murid-murid Melayu belajar Cina bukan sahaja di sekolah rendah Cina tetapi juga di sekolah-sekolah kebangsaan sebagai langkah merapatkan hubungan antara kedua kaum terbesar di negara ini serta memupuk perpaduan negara dan bukan seperti sekarang di mana orang-orang Cina telah tahu lebih mengenai orang-orang Melayu tetapi orang-orang Melayu tidak tahu sangat akan orang-orang Cina.

**Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam:** Tuan Yang di-Pertua, soal kedua saya tidak berapa bersetujulah dengan pandangan Yang Berhormat bahawa orang Melayu tidak tahu mengenai orang Cina. Tetapi soalnya masalah penggalakan penggunaan bahasa Cina akan merupakan galakan pembelajaran bahasa ketiga dan seterusnya dalam sistem persekolahan.

**Tuan Yang di-Pertua,** Penghabisan.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dikatakan Yang Berhormat Menteri tadi, Kementerian belum lagi membuat kajian untuk menentukan sama ada murid-murid Melayu di sekolah Kebangsaan Cina ini menghadapi

masalah dari segi penguasaan bahasa dan sama ada mereka menghadapi kelemahan ataupun tidak berhubung dengan masalah bahasa tetapi oleh kerana perkara ini ada dibangkitkan sebagai satu isu, adakah pihak Kementerian berhasrat hendak mengkaji untuk memastikan perkara ini. Yang keduanya, berhubung dengan masalah penguasaan bahasa juga di kalangan murid-murid terutamanya murid-murid Bumiputera, adakah tidak berlaku sebarang masalah daripada segi intraksi di kalangan murid-murid Cina dan juga murid-murid Melayu dan Bumiputera di sekolah-sekolah rendah ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kementerian Pelajaran belum lagi membuat kajian terhadap perkara ini, kedua-dua masalah ini akan kita tahu apabila suatu kajian mengenainya dibuat nanti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ling Sie Ming.

*(Soalan No. 9 Yang Berhormat Tuan Ling Sie Ming tidak hadir)*

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):**

(a) Untuk makluman Ahli Yang

Jenis	1979	1980	1981	1982	1983	Jumlah
Kereta .. .. .	1,325	1,382	1,557	1,764	1,829	7,857
Motosikal .. .. .	6,426	6,646	6,773	7,724	9,600	37,169

(b) Setakat ini belum ada kakitangan Jabatan Pengangkutan Jalan didakwa di mahkamah berhubung dengan kes-kes kecurian kereta dan motosikal. Bagaimanapun sejak

## KES KECURIAN KERETA— BILANGAN

**10. Tuan Ng Cheng Kuai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan kes kecurian kereta dan motosikal bagi tempoh 1979-1983 dengan memberi angka-angka pecahan mengikut tahun;
- (b) sama ada kakitangan-kakitangan Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan-jabatan lain yang terlibat telah didakwa ke Mahkamah kerana penglibatan mereka dalam kes-kes tersebut;
- (c) bilangan pencuri kereta dan motosikal yang telah didakwa ke Mahkamah; dan
- (d) sama ada usaha bersama telah diwujudkan di antara Polis, Jabatan Pengangkutan Jalan, Kastam dan Eksais di Raja dan lain-lain Jabatan untuk membenteras jenayah ini.

Berhormat pecahan kes kecurian kereta dan motosikal bagi tempoh 1979-1983 adalah seperti berikut:

tahun 1979 hingga akhir tahun 1983 seramai 16 orang kakitangan telah dihadapkan ke mahkamah setelah disyaki memiliki kenderaan yang dicuri.

(c) Bilangan pencuri kereta dan motosikal yang telah didakwa di

mahkamah adalah seperti berikut:

<i>Jenis</i>	<i>1979</i>	<i>1980</i>	<i>1981</i>	<i>1982</i>	<i>1983</i>	<i>Jumlah</i>
Kereta .. .. .	76	127	167	140	106	616
Motosikal .. .	618	666	712	735	676	3,407

(d) Bagi membentaras kejadian kecurian seperti ini pihak Polis sentiasa bekerjasama dengan semua pihak termasuklah pihak Jabatan Pengangkutan Jalan, Kastam dan Eksais Diraja dan lain-lain Jabatan. Misalnya, dengan mengadakan operasi bersama di pusat-pusat pemeriksaan (check points) di sempadan dan juga operasi dari masa ke semasa dengan kerjasama pihak Jabatan Pengangkutan Jalan untuk mengesan kenderaan-kenderaan bermotor yang dilaporkan hilang atau dicuri.

peratusnya hanya 0.18%. Berhubung dengan motosikal pula bagi setiap 100,000 buah motosikal, hanya 493 buah sahaja yang dicuri, iaitu dari segi peratusannya ialah 0.49%.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:**  
Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan banyaknya motokar dan motosikal yang dicuri dan jika dibandingkan pula dengan kes-kes ini yang dibawa ke mahkamah, bolehkah ataupun adakah Timbalan Menteri yang berkenaan bersetuju kalau saya katakan bahawa pihak polis adalah gagal bagi membentaras kecurian yang berlaku dalam negara ini bila dilihat kepada perbandingan antara jumlah kecurian dengan jumlah kes yang dibawa ke Mahkamah.

Suka 'saya nyatakan di sini bahawa rakyat bersama terpaksa memikul tanggungjawab berhubung dengan kecurian ini. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, rakyat juga merupakan pendorong bagi pencuri-pencuri melakukan kecurian. Dorongan ini timbul daripada 3 faktor—pertama, motokar itu mempunyai nilai yang berharga lebih tinggi mungkin \$20,000 ataupun \$30,000 ataupun lebih lagi daripada itu. Kedua, peluang untuk dicuri oleh pencuri itu ketara sekali kerana tidak wujud apa-apa pengawasan dan penyeliaan. Dan yang ketiga, kecuaiannya sudah menjadi amalan yang diperhatikan oleh pencuri sendiri, umpamanya kadangkala di perkarangan rumah seseorang yang mempunyai motokar itu, didapati lantainya cantik, bersih, maka empunya-empunya motokar itu tidak lagi ingin membawa motokarnya masuk ke dalam perkarangan, malah diletaknya di luar. Yang Keempat mereka sendiri tidak ingin melengkapkan motokar mereka dengan alarm yang tertentu. Yang kelima kecuaiannya adalah keterlaluan sehingga switch motokar itu berada dalam motokar bermalaman.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:**  
Tuan Yang di-Pertua, polis sebenar sekali tidak gagal. Perkara yang patut kita perhati bersama pada hari ini, mengikut statistik yang ada ialah bagi setiap 100,000 buah motokar hanya 183 buah sahaja dicuri. Dari segi

Jadi inilah sesuatu yang difikirkan tanggungjawab dari kalangan empunya motokar bukan kesalahan atau kegagalan polis.

## PENGEDAR DADAH DIGANTUNG—BILANGAN

**11. Tuan Karpal Singh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan pengedar-pengedar dadah yang telah digantung semenjak 1980 di negara ini dan bilangan mereka menunggu dalam bilik-bilik terakhir untuk digantung dalam negara ini.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 1980 dan sehingga 29hb Februari, 1984 seramai 24 orang pengedar-pengedar dadah telah digantung. Seramai 26 orang masih menunggu dalam bilik-bilik terakhir untuk menjalani hukuman tersebut.

## POLIS MERIN—RONDAAN DI LAUT

**12. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah kejayaan Polis Merin dalam menjaga keselamatan harta benda dan nyawa rakyat negara ini di laut Malaysia dari dicabuli oleh musuh dan lanun yang berleluasa sekarang. Apakah Kerajaan bercadang menambahkan pasukan rondaan dan peralatan moden supaya Polis Merin benar-benar bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan di luar.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, keselamatan perairan negara kita sentiasa terkawal kerana Pasukan Polis Merin kita telah menjalankan tugasnya dengan berkesan. Buktinya, sepanjang tahun 1982 dan 1983 hanya 8 kes rompakan telah dilaporkan setahun di perairan kita berbanding dengan sebanyak 20 kes yang berlaku dalam tahun sebelumnya.

Kerugian harta benda nelayan kita yang dilaporkan di luar perairan Malaysia di kawasan Pantai Timur ditaksirkan berjumlah \$305,915. Pihak Polis tidak menerima laporan kerugian dari kawasan-kawasan lain.

Kerajaan sememangnya menitik-beratkan penggunaan peralatan moden dan menambahkan pasukan rondaannya dari masa ke semasa bagi menjamin keselamatan nyawa dan harta benda nelayan kita.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam penambahan rondaan-rondaan dan juga Pasukan Polis Merin ini, apakah ada cadangan pihak Kementerian untuk menambah tiap-tiap pelabuhan di tiap-tiap negeri misalnya di Tumpat 1, di Kuala Terengganu 1, di Kuantan 1, di Johor 1. Jadi dengan cara ini kemungkinan dapat rondaan itu diselaraskan dan tidak akan takut lagi mereka yang hendak mencari rezeki di laut dan juga untuk menjaga harta benda mereka yang ada di laut.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita telah menempatkan 2 buah bot ronda khusus untuk Pantai Timur yang mana bot ronda ini akan menyusuri pantai sampai ke Tumpat. Di samping itu kita juga telah mewujudkan Unit Udara Diraja Polis di mana kita membuat liputan udara bagi mengesan kemasukan bot-bot nelayan asing. Di antara itu juga kita merancang untuk membina 2 buah lagi pengkalan. Kita berharap dengan apa yang diperkatakan sekejap tadi, dapatlah kita melaksanakan tugas kita dengan lebih baik.

Merujuk kepada apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi mengenai pengawasan di tiap-tiap

pelabuhan, itu dimaklumkan bahawa saya akan mengambil ingatan.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Gangguan daripada nelayan asing yang mencero boh masuk mengganggu perairan Malaysia dan merosakkan alat-alat menangkap ikan nelayan-nelayan Malaysia terutama di Pantai Timur adalah suatu perkara yang telah berlaku begitu lama, berpanjangan dan berleluasa. Saya terperanjat mendengar bahawa pihak Jabatan Polis Merin hanya ada 2 buah bot ronda untuk mengawal kawasan perairan di Pantai Timur. Memandangkan luasnya kawasan pantai dan perairan di kawasan Pantai Timur yang sentiasa terdedah kepada ancaman nelayan, bolehkah pihak Kementerian yang berkenaan menambahkan lagi lebih banyak bilangan bot-bot supaya dapat diberi perlindungan yang berkesan kepada nelayan-nelayan dan harta benda mereka di Pantai Timur?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada bot ronda yang telah disebutkan tadi, kita juga mendapat bantuan dari Navy dan kelengkapan yang mencukupi seperti radio dan sebagainya. Dan di antara itu saya suka menegaskan persoalan yang timbul pada hari ini ialah persoalan tentang kawasan perairan, ertinya kalau lebih daripada 12 batu nautical maka kita tidak boleh mengambil apa-apa tindakan. Oleh sebab itu adalah didapati laporan daripada nelayan-nelayan memang sedikit, oleh sebab mereka sedar bahawa mereka menjangkaui had 12 batu nautical, di mana tindakan tidak boleh diambil.

Saya sebutkan sekejap tadi bahawa \$305,915 dianggarkan sebagai kerugian. Ini berpunca dari nelayan-nelayan yang mengambil pinjaman daripada bank dan sebagainya. Untuk

mengatasi soal-soal yang semacam ini, maka terpaksa mereka melaporkan, walaupun perkara itu, berlaku di luar daripada batasan, sebagaimana saya sebut tadi, iaitu 12 batu nautical.

## BANJIR—PROJEK PERPARITAN

**13. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Pertanian menyatakan, memandangkan bahawa banjir berlaku tiap-tiap tahun semasa musim hujan sungguhpun jumlah hujan tidak berbeza dari tahun ke tahun, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menambahkan lagi projek-projek perparitan sejajar dengan projek-projek pembangunan.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu langkah untuk mengatasi masalah banjir di negara ini, beberapa kajian mengenai masalah banjir telah dijalankan sejak awal tahun 1970-an. Berdasarkan hasil kajian-kajian tersebut, langkah-langkah untuk mengatasi masalah banjir dan mengurangkan kesan-kesan banjir telah dijalankan dengan membina ampangan-ampangan serba segi seperti Ampangan Temenggor di negeri Perak, Ampangan Manchap di negeri Johor, Ampangan Kenyir di negeri Terengganu dan sebagainya.

Di samping itu, di kawasan-kawasan pertanian yang tertentu, projek-projek parit telah dan sedang dilaksanakan dengan tujuan menyediakan kemudahan-kemudahan parit di samping mengurangkan banjir di kawasan-kawasan tersebut. Di Rancangan Malaysia Keempat, 42 buah projek parit sedang dilaksanakan. Demikian juga di kawasan-kawasan bandar beberapa buah projek perparitan sedang dilaksanakan dengan tujuan bukan sahaja menyediakan kemudahan perparitan bahkan juga dengan tujuan mengurangkan banjir.

Seperti yang termaklum, banyak kawasan bandar, kawasan kampung dan kawasan pertanian di negara ini adalah terletak di tempat-tempat yang berdekatan dengan sungai dan di lembah sungai dan sebahagian yang agak besar daripada kawasan tersebut adalah terdedah kepada risiko banjir.

Dengan itu program pengurangan banjir adalah agak luas dan akan memakan perbelanjaan besar untuk melaksanakannya. Projek-projek pengurangan banjir dan projek-projek pemaritan adalah perlu dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan sejajar dengan kemampuan kewangan negara.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Timbalan Menteri yang berkenaan tadi, beliau ada mengatakan beberapa langkah dan cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah banjir. Bolehkah saya mengatakan baru-baru ini dalam kawasan saya ada mengalami banjir yang teruk sekali tetapi cadangan-cadangan yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri tadi masih belum sampai ke kawasan saya dan masalah ini adalah dikemukakan kepada pihak-pihak berkuasa Majlis Perbandaran, JPT, dan sebagainya dan selalunya ada menerima jawapan tidak ada kemampuan oleh sebab tiada kewangan. Bolehkah Timbalan Menteri menyatakan sebenarnya adakah pihak berkuasa berminat untuk mengatasi masalah ini dan tidak akan lagi memberi excuse tiada kewangan atau kemampuan.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, pihak berkuasa memang berminat dan masalah kekurangan kewangan bukan satu "excuse" akan tetapi satu realiti. Berkenaan masalah banjir di kawasan Ahli Yang Berhormat, saya haruslah cek, siasat sebelum saya dapat memberi satu jawapan.

## HOSPITAL BARU SIBU— PEMBINAAN

**14. Tuan Richard Dampeng Anak Laki** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Hospital baru Sibu yang dicadangkan akan mula pembinaannya dan tempoh yang diperlukan untuk menyiapkannya serta ongkosnya dan memandangkan pertambahan penduduk-penduduk sama ada terdapatnya cadangan-cadangan untuk memperbaiki ataupun menambah lagi keupayaannya, doktor-doktor, alat-alat kelengkapan dan sebagainya di hospital yang sedia ada di Sarikei dan klinik di Binatang. Jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, projek hospital besar baru di Sibu telah dirancang memulakan pembinaannya pada bulan Jun 1985 dengan perbelanjaan sebanyak hampir \$60 juta. Tetapi oleh kerana keadaan kemelesetan ekonomi kemungkinannya ialah bahawa pembinaan itu akan dilambatkan sedikit. Hospital yang sedia ada di Sarikei mempunyai 108 katil dan pada masa ini 4 orang Doktor sedang berkhidmat di hospital itu. Hospital itu juga memberi perkhidmatan-perkhidmatan kepada pesakit luar, pergigian, X-Ray, dan makmal. Kementerian Kesihatan telah memperbesarkan hospital ini dengan menambah sebuah blok yang wadnya mempunyai 36 buah katil pada tahun 1982.

Pusat Kesihatan Binatang mempunyai 10 katil dan dikehendaki oleh seorang Doktor yang dibantu oleh Pembantu-pembantu Hospital, Jururawat-jururawat dan lain-lain. Pusat Kesihatan ini memberi perkhidmatan kepada pesakit luar dan dalam, makmal dan X-Ray. Kementerian Kesihatan juga sedang dalam proses memperbesarkan blok X-Ray dan pemasangan alat-alat tambahan. Ini dijangka siap dalam bulan April tahun ini juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 dan 15 hingga 30 adalah diberi di bawah ini).*

## EKSPORT KAYU BALAK

**9. Tuan Ling Sie Ming** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang menghadkan pengeksporan kayu balak supaya mengukuhkan pasaran tempatan yang juga akan menambahkan peluang pekerjaan rakyat kita; jika tidak mengapa.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong):** Kerajaan mempunyai dasar menghadkan eksport balak dari negara ini. Beberapa cara dilaksanakan untuk menyekat eksport balak. Di Semenanjung Malaysia misalnya, pengharaman eksport beberapa jenis balak telah dimulakan dalam tahun 1972. Pada masa ini 27 jenis balak telah diharamkan eksportnya. Bagi jenis-jenis balak yang dibenarkan eksport, kawalan dikenakan melalui sistem kuota. Jumlah kuota dikurangkan setiap tahun semenjak tahun 1976 di mana sebanyak 495,660 meter padu atau 5% dari anggaran pengeluaran balak tahun itu telah diluluskan eksport. Bagi tahun 1983, jumlah kuota ialah 52,000 meter padu atau 0.8% daripada jumlah anggaran pengeluaran. Di Sarawak pula, 3 jenis balak iaitu Belian, Ramin dan Sepetir telah diharamkan eksportnya bermula semenjak tahun 1961. Secara tidak langsung, Kerajaan Sarawak juga telah menghadkan eksport melalui usaha bagi meningkatkan pemprosesan tempatan dengan mengenakan syarat kepada pemegang lesen di Kawasan Hutan Tetap. Pemegang lesen disyaratkan mendirikan kilang memproses balak mengikut jadual

seperti yang ditetapkan di dalam lesen. Sekiranya gagal mematuhi syarat, pengeluaran balak tahunan adalah dikurangkan berdasarkan kepada peratus pengeluaran untuk diproses oleh kilang yang sepatutnya didirikan. Bagi Negeri Sabah, dasar menghadkan eksport telah dilaksanakan semenjak tahun 1977. Bagi tempoh lima tahun pertama, ianya dikurangkan atas kadar 5% bagi tahun 1977 dan 1978, 10% bagi tahun 1979 dan 1980, sehingga eksport mencapai 6 juta meter padu setahun pada tahun 1981. Jumlah ini merupakan matlamat jangka panjang yang juga dikaitkan dengan keperluan dan pembangunan industri pemprosesan kayu di Sabah.

Semua langkah yang diambil oleh Kerajaan itu, termasuk di Sabah dan di Sarawak, adalah bertujuan untuk menjamin supaya industri tempatan memperolehi bekalan balak yang cukup dan ini akan dapat menampung keperluan pemprosesan yang bertambah yang boleh menambah peluang pekerjaan kepada rakyat.

## PENGECUALIAN SETEM KEPADA SEKOLAH ATAS URUSAN RASMI

**15. Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada sekolah, sebagai salah satu institusi Kerajaan akan diberi pengecualian daripada menggunakan setem pada surat rasminya, jika ya, bila pengecualian akan diberi, jika tidak, mengapa.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Leo Moggie):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekolah-sekolah yang dikelolakan oleh Lembaga Sekolah (School Board) diberi gran (grants) oleh Kerajaan dan dengan itu sekolah-sekolah ini tidaklah mendapat pengecualian daripada menggunakan setem pada surat-surat resmi mereka. Manakala sekolah-sekolah dan institusi-institusi pelajaran

yang dikawal secara langsung oleh Kementerian Pelajaran seperti Sekolah-sekolah Vokesyenal/Poliklinik dan Maktab-maktab diberi pengecualian menggunakan setem sepertimana yang diberi kepada Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain.

### **PENARIKAN BALIK SUBSIDI MINYAK TANAH**

**16. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar penarikan balik subsidi ke atas minyak tanah sedang menyebabkan kesulitan yang tidak patut berlaku kepada orang-orang miskin yang bergantung kepada minyak tanah sebagai bahan kegunaan masakan serta untuk memasang lampu kerana mereka terpaksa membayar 60 sen untuk sebotol minyak tanah berbanding dengan harga 45 sen sebotol pada tahun lalu, iaitu kenaikan sebanyak 33% dan mengapa keganjilan (anomaly) ini berlaku kerana negara kita adalah sebuah negara pengeluar dan pengeksporth minyak.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Saya memang sedar bahawa penarikan balik subsidi atas minyak tanah memberi kesan kepada mereka yang menggunakannya. Seperti yang telah dimaklumkan oleh Kerajaan semasa pengumuman penarikan-balik subsidi barang-barang petroleum merupakan satu beban kewangan yang besar. Sejak permulaan perbelanjaan subsidi pada tahun 1976 hingga tahun 1982, jumlah perbelanjaan subsidi atas minyak tanah adalah sebanyak 422 juta ringgit.

Walaupun subsidi ini ditarik-balik, tetapi harga minyak tanah di negara kita masih rendah jika dibandingkan

dengan harga yang didapati di negara-negara jiran. Harga runcit minyak tanah di Kuala Lumpur ialah 63 sen seliter, dibandingkan dengan 63.3 sen seliter di Thailand dan 114.3 sen di Singapura.

Kenaikan harga minyak tanah baru-baru ini adalah semata-mata kerana penarikan-balik subsidi. Ini bukan satu keganjilan (anomaly) walaupun negara kita adalah sebuah negara pengeluar dan pengeksporth minyak memandangkan harga minyak mentah di Malaysia adalah didasarkan kepada harga minyak mentah di pasaran antarabangsa. Oleh yang demikian, harga barang-barang petroleum, walaupun ditapis di dalam negeri, patut mencerminkan harga di pasaran antarabangsa.

### **DEFINASI PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN**

**17. Dr Koh Tsu Koon** minta Perdana Menteri menyatakan apakah definisi pendapatan garis kemiskinan (poverty line income) yang digunakan untuk tujuan perancangan oleh Kerajaan. Adakah garis-garis kemiskinan yang berlainan digunakan bagi kawasan-kawasan luar bandar dan bandar, memandangkan bahawa kos hidup di kawasan luar bandar dan bandar, adalah berbeza. Adakah garis kemiskinan ini dikemaskinikan dari semasa kesemasa bagi menampung kenaikan dalam kos hidup. Kalau tidak, mengapa.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Pendapatan garis kemiskinan ditakrifkan sebagai sejumlah pendapatan minima yang diperlukan oleh sesuatu keluarga atau isi rumah bagi memenuhi keperluan asas mereka.

Di Malaysia, perkara-perkara yang diambilkira dalam menilai pendapatan garis kemiskinan termasuklah

makanan, pakaian dan kasut, perbelanjaan-perbelanjaan yang lain iaitu: sewa tempat tinggal, bahan api dan kuasa; perabot, hiasan rumah dan perkakas; rawatan perubatan dan perbelanjaan kesihatan; pengangkutan dan perhubungan; dan rekreasi, hiburan, pelajaran dan perkhidmatan kebudayaan.

Hanya satu pendapatan garis kemiskinan digunakan di peringkat nasional yang mengambilkira keadaan kos hidup di kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar.

Pendapatan garis kemiskinan tersebut dikemaskini setiap tahun berasaskan perubahan-perubahan yang berlaku di dalam harga barang-barang yang ditunjukkan oleh kedudukan angkatanujuk-angkatanujuk harga pengguna.

#### **KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN—JAWATAN**

**18. Tuan Haji Dusuki Haji Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak menjadi jawatan-jawatan utama yang tertentu dalam bidang-bidang iktisad di Kementerian Pelajaran, Kerjaraya, Kesihatan dan sebagainya sebagai jawatan terbuka bagi membolehkan golongan iktisad yang berkenaan menduduki jawatan Ketua Setiausaha Kementerian di Kementerian-kementerian yang berkenaan.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Jawatan-jawatan Ketua-ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-ketua Jabatan dan jawatan-jawatan utama yang lain adalah "jawatan-jawatan khas" mengikut peruntukan Perkara 144 (3) Perlembagaan Persekutuan. Jawatan-jawatan tersebut boleh diisi oleh pegawai-pegawai yang sesuai—sama ada Pegawai-pegawai Pentadbir mahupun Pegawai-pegawai Professional yang

diperakukan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan ataupun Lembaga Kenaikan Pangkat dan diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Mengikut amalan biasa, jawatan khas di dalam jabatan professional adalah diisikan oleh Pegawai-pegawai Professional, dan jawatan-jawatan khas di Kementerian-kementerian seperti Ketua-ketua Setiausaha biasanya diisikan oleh Pegawai Pentadbir. Ini hanyalah untuk mewujudkan pengkhususan (specialisation) di dalam perkhidmatan awam.

Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawatan-jawatan Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran dan Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan pernah disandang oleh pegawai-pegawai professional.

#### **SQUADRON MIRAGE FIGHTER AUSTRALIA**

**19. Tuan Peter Chin Gan Onn** minta Menteri Pertahanan untuk menyatakan apakah hasil rundingan dengan Perdana Menteri Australia Encik Bob Hawke mengenai masa hadapan Squadron Mirage Fighter Australia yang berpangkalan di Butterworth berhubung dengan:

(a) sama ada baki squadron pejuang akan tinggal terus di Butterworth selepas 1984;

(b) jika tidak bagaimana Kerajaan Australia dapat mengadakan suatu "continuing presence" sebagaimana diumumkan oleh Encik Bob Hawke jika jet-jet tidak berada di sini "pysically" dan mungkin berpangkalan di Darwin Australia yang jaraknya akan memakan masa beberapa jam walau bagaimana lajunya jet-jet tersebut boleh terbang; dan

(c) apakah langkah-langkah lain akan diambil untuk pertahanan udara kita jika telah dimusnahkan untuk menarik balik jet-jet tersebut oleh Kerajaan Australia dan sama ada langkah-langkah keselamatan begini dapat dengan serta merta dilaksanakan dalam keadaan yang sedemikian.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Masalah kedudukan masa depan Squadron Mirage Tentera Udara Diraja Australia (RAAF) di Butterworth masih lagi belum dapat dipastikan, keputusan rasmi kedudukan Squadron ini dijangka akan diumumkan oleh Menteri Pertahanan Australia semasa beliau membuat lawatan rasmi ke Malaysia pada bulan April depan. Oleh itu selagi pengumuman itu masih belum dibuat oleh Kerajaan Australia adalah tidak wajar untuk saya membuat sebarang kenyataan mengenai perkara ini.

#### KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT

**20. Tuan Othman bin Abdul** minta Perdana Menteri menyatakan apakah asas-asas atau kriteria yang telah digunakan dalam kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat ke atas projek-projek pembangunan yang dicadangkan bagi dilaksanakan seterusnya. Apakah rupa bentuk projek yang diberi keutamaan dalam kajian ini.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Usul mengenai kajian separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada 29hb Mac, 1984.

Oleh itu, adalah wajar bagi saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu selepas perbentangan usul tersebut, ketika saya menggulung perbahasan Ahli-Ahli Yang Berhormat kelak.

#### PULAU LABUAN SEBAGAI WILAYAH PERSEKUTUAN

**21. Tuan Fung Ket Wing** minta Perdana Menteri menyatakan apakah term-term dan syarat-syarat yang dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah berhubung dengan pengambilan alih Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan, apakah faedah-faedah yang bakal dinikmati oleh penduduk-penduduk Negeri Sabah.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Perkara-perkara yang dibangkitkan dalam soalan Ahli Yang Berhormat itu sudahpun dijelaskan oleh Y.A.B. Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini pada 19hb Mac, 1984 semasa membentangkan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984. Saya tidak ada apa-apa tambahan lagi.

#### AIRBUS TERHEMPAS DI LAPANGAN TERBANG SUBANG

**22. Datuk Leonard Linggi Jugah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sebab-sebab Airbus terhempas di Lapangan Terbang Subang dalam bulan Disember, 1983 yang lalu.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Sebab-sebab kejadian terhempas kapal terbang Airbus MAS pada 18hb Disember, 1983 itu belum dapat ditentukan kerana kerja-kerja menyiasat masih lagi berjalan dan laporan siasatan belum lagi disampaikan kepada Kementerian saya.

### PEMBINAAN SEKOLAH— KELEWATAN

**23. Tuan Abdillah Haji Abdul Hamid** minta Menteri Pelajaran menyatakan berkenaan bilakah permulaan pembinaan Sekolah Menengah Bum-Bum, Sekolah Menengah Islamiah, Sekolah Rendah Berasrama Penuh di Daerah Semporna yang telah diluluskan. Apakah sebab-sebab kelambatan SMK Bum-Bum dimulakan pembinaannya.

**Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Untuk makluman Yang Berhormat, memang terdapat sekolah-sekolah yang terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu di dalam tahun 1983 mengikut arahan Kerajaan akibat kemelesetan ekonomi. Sekolah Menengah Bum-Bum adalah salah satu daripadanya yang turut terlibat dengan arahan tersebut. Bagi tahun 1984 Kementerian Pelajaran merancang untuk meneruskan projek-projek yang telah ditangguhkan mengikut keperluan dan keutamaan di Sabah. Juruperunding telah pun dilantik dan reka bentuk telah disiap dilaksanakan.

Bagi Sekolah Menengah Islamiah pula suka dimaklumkan bahawa ini adalah di luar tanggungjawab Kementerian Pelajaran kerana ini adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Mengenai Sekolah Rendah Berasrama Penuh di Daerah Semporna pula Kementerian belum ada cadangan membinanya.

### PEJABAT RIMV DI KELUANG

**24. Tuan Quan Lee Liam** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kementerian akan menimbang rayuan-rayuan penduduk-penduduk Kluang supaya diadakan satu Pejabat RIMV untuk membaharui lesen-lesen memandu dan lesen-lesen kenderaan sahaja di Kluang tahun ini.

**Tan Sri Chong Hon Nyan** Saya sukalah memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kluang bahawa rancangan penubuhan Pejabat Kecil Jabatan Pengangkutan Jalan di Kluang telah dipohon di dalam Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, tetapi memandang keadaan kemelesetan ekonomi maka rancangan ini terpaksa ditangguhkan dahulu. Walaupun begitu, aktiviti pemeriksaan kereta motor dan ujian memandu ada dijalankan di Bandar Kluang di atas satu tapak yang dipinjamkan oleh Majlis Daerah Kluang, iaitu sebanyak empat (4) kali sebulan bagi pemeriksaan biasa kereta motor dan enam (6) kali sebulan bagi aktiviti ujian memandu.

Kementerian saya sentiasa mengambil perhatian berat terhadap rayuan penduduk-penduduk kawasan Kluang atau mana-mana tempat juga. Oleh itu, rancangan bagi penubuhan pejabat Kecil Jabatan Pengangkutan Jalan di Kluang akan diteruskan apabila keadaan ekonomi negara mengizinkan.

### JALAN RAYA TELUK INTAN/ BAGAN DATOH—PEMBAIKAN

**25. Tuan Yahya bin Haji Zakaria** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah tindakan yang telah dijalankan bagi membaiki jalan raya-jalan raya, terutamanya jalan raya daripada Telok Intan ke Bagan Datoh sejauh 45 kilometer, yang terlalu buruk dan sentiasa berlaku kemalangan.

**Menteri Kerja Raya Dato' S. Sammy Vellu):** Soalan mengenai tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian saya untuk memperbaiki jalan raya-jalan raya di negara ini telah dijawab dalam Dewan yang mulia ini pada 16 Mac 1984. Berhubung dengan jalan raya Teluk Intan ke Bagan Datoh itu saya sedar bahawa jalan ini tidak

berapa memuaskan terutamanya sekali pada masa ini oleh kerana adanya kerja-kerja pemasangan paip air di beberapa tempat di sepanjang jalan raya Teluk Intan ke Bagan Datoh itu dan dengan berlakunya hujan lebat baru-baru ini. Kementerian saya akan mengambil tindakan untuk membaiki jalan ini secara berperingkat-peringkat selaras dengan penyiapan pemasangan paip air tersebut.

### **PENGWUJUDAN INSTITUSI KHAS**

**26. Tuan Omar bin Abdullah.** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kementeriannya bercadang mewujudkan satu institusi khas untuk membantu memastikan kejayaan peruncit-peruncit, pengedar-pengedar, pengimport dan pengilang-pengilang Bumiputera sebagaimana Pusakabumi diwujudkan untuk membantu kontraktor-kontraktor Bumiputera.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Kementerian saya telah bercadang untuk mewujudkan institusi khas untuk membantu peruncit-peruncit, pengedar dan pengimport Bumiputera oleh kerana usaha-usaha yang dijalankan oleh institusi-institusi Kerajaan yang sedia ada adalah memenuhi kehendak-khendak dan keperluan-keperluan mereka. Institusi-institusi Kerajaan seperti Pusat Daya Pengeluaran Negara, MARA, Pernas Edar, Bank Pembangunan dan lain-lain turut membantu dari segi modal, bekalan, khidmat nasihat dan program latihan dan pembangunan bagi mempertingkatkan lagi kecekapan dan kebolehan mereka. Di Kementerian saya sudah lama wujud Bahagian Penyertaan Bumiputera yang memberikan khidmat nasihat kepada usahawan Bumiputera dalam bidang-bidang tertentu dan Pusat Perdagangan Eksport Malaysia (MEXPO) yang

memberi bantuan dari segi khidmat nasihat kepada pengimport-pengimport/pengeksport-pengeksport Bumiputera dalam bidang dagangan luar.

Dari segi pengilang-pengilang Bumiputera, telah wujud sebuah Jawatankuasa Khas Penyertaan Bumiputera di Bidang Perkilangan di MIDA (Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia) untuk merangka strategi dan mengambil langkah-langkah yang berkesan bagi meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam bidang perkilangan.

### **PETROLEUM DI MALAYSIA**

**27. Tuan Sim Kwang Yang** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) jumlah simpanan Petroleum mentah (crude petroleum deposit reserve) yang terdapat di Malaysia;
- (ii) jangka masa yang akan diambil untuk menghabiskan simpanan-simpanan tersebut berasaskan kadar pengeluaran sekarang sebanyak kira-kira 400,000 tong sehari;
- (iii) prinsip dan strategi untuk memelihara sumber tenaga yang boleh dibaharui itu di Malaysia; dan
- (iv) Rancangan Kerajaan untuk mencarigali lebih banyak lagi "deposit" mentah tersebut.

**Datuk Dr James P. Ongkili:**

- (i) Setakat ini, 3.5 ribu juta tong minyak mentah simpanan telah dijumpai di Malaysia. Dari jumlah itu, 0.9 ribu juta tong telah dikeluarkan. Baki simpanan minyak mentah yang ada di Malaysia sekarang ialah 2.6 ribu juta tong.

- (ii) Jika diasaskan atas kadar pengeluaran sekarang sebanyak 400,000 tong sehari dan sekiranya tidak ada lagi kawasan minyak baru dijumpai, simpanan minyak Malaysia boleh mencukupi untuk jangka masa sepanjang 18 tahun iaitu hingga tahun 2002.
- (iii) Matlamat jangka panjang negara adalah bagi mengurangkan penggantungan Malaysia kepada minyak petroleum sebagai sumber tenaga dengan cara memajukan dan menggunakan sumber tenaga alternatif termasuk sumber-sumber tenaga yang boleh diperbaharui seperti mini hidro, solar dan biomass. Bagi mencapai objektif tersebut, strategi yang sedang diambil ialah mengadakan kajian dan penyelidikan tentang penggunaan sumber-sumber tenaga yang boleh diperbaharui seperti mini hidro, solar dan biomass. Beberapa projek mini hidro dan solar telah dilaksanakan untuk menjana elektrik. Juga projek-projek yang menggunakan biomass seperti buangan pertanian dan haiwan sebagai sumber tenaga telah dilaksanakan. Dalam melaksanakan strategi tersebut pertimbangan ekonomi dan kesan-kesan dari segi ekonomi, sosial dan alam sekitar akan diambil kira.
- (iv) PETRONAS merancang menambahkan simpanan minyak mentahnya di Malaysia dengan:
- (a) menawarkan beberapa kawasan baru untuk mencarigali. Setakat ini, beberapa syarikat minyak asing telah menunjuk minat mereka untuk mendapatkan kontrak bagi kawasan-kawasan tersebut di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak iaitu bagi kawasan luar pantai dan juga satu atau dua kawasan di darat;
- (b) PETRONAS sedang mengkaji semula syarat-syarat Kontrak Pengeluaran Berkongsi dengan tujuan untuk mendorong syarikat-syarikat minyak asing melabur wang mereka dalam usaha-usaha mencarigali minyak di Malaysia;
- (c) PETRONAS Carigali Sdn. Bhd. akan terus bergiat dalam usaha mencari hidrokarbon di kawasan-kawasan luar pantai Malaysia; dan setakat ini telah menjumpai lima kawasan gas dan minyak berkaitan;
- (d) PETRONAS sudah pun menjalankan kajian permulaan "seismic" di kawasan-kawasan yang belum ditawarkan seperti di Selat Melaka, dalam usahanya bagi menentukan kawasan-kawasan yang mungkin mempunyai prospek. Hasil-hasil kajian tersebut, jika berpotensi, akan diumumkan ke syarikat-syarikat minyak yang berminat untuk mencarigali hidrokarbon di kawasan-kawasan tersebut.

## BANJIR DI WILAYAH PERSEKUTUAN

28. **Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang akan diambil untuk mengatasi masalah banjir di Wilayah Persekutuan; dan nyatakan sama ada peruntukan wang yang lebih besar akan diperuntukkan tahun ini untuk mengawal serta mengatasi masalah banjir di Wilayah Persekutuan jika ya, nyatakan amaunnya.

**Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau:** Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Jabatan Parit dan Taliair Wilayah Persekutuan sememangnya mempunyai rancangan-rancangan sama ada berbentuk jangka panjang mahupun jangka pendek di dalam usaha-usaha untuk mengatasi banjir di Wilayah Persekutuan ini.

Mengenai langkah jangka pendek Dewan Bandaraya senantiasa mempergiatkan usaha-usaha untuk membersihkan longkang-longkang yang dipenuhi oleh pasir/sampah sarap yang menyekat laluan air serta memperbaiki longkang-longkang yang rosak. Dewan Bandaraya mempunyai satu pasukan khas yang bertanggungjawab membersihkan sampah-sampah di longkang-longkang supaya pengaliran air tidak tersekat dan dapat mengurangkan kemudaran kejadian banjir.

Dari segi jangka panjang pula, Dewan Bandaraya mempunyai beberapa rancangan terutamanya untuk membina longkang-longkang utama (monsoon drain) di beberapa kawasan di sekitar Wilayah Persekutuan ini. Bagi tahun 1984 ini sebanyak 14 projek perparitan yang menelan perbelanjaan sebanyak \$19,860,000 adalah dirancangan untuk dilaksanakan.

Di bawah rancangan Jabatan Parit dan Taliair Wilayah Persekutuan terdapat beberapa projek pencegahan banjir yang tertentu seperti berikut:

### (i) Empangan

Ini meliputi kerja-kerja meninggikan empangan "Klang Gate" dan pembinaan dua buah lagi empangan baru di kawasan sungai Batu dan Sungai Gombak. Bagi projek pembinaan Empangan Sungai Batu, kerja rekabentuk peringkat akhir sedang dijalankan. Empangan Sungai Gombak masih di peringkat kajian dan pemeriksaan. Pembinaan empangan ini akan dijalankan dalam Rancangan Malaysia Kelima.

### (ii) *Memperbaiki Sungai Kelang, Sungai Batu dan Sungai Gombak.*

Kerja-kerja telah pun dijalankan untuk mendalamkan serta melebarkan ketiga-tiga sungai tersebut. \$30.6 juta diperuntukan dalam Rancangan Malaysia Keempat bagi tujuan memperbaiki sungai-sungai tersebut. Kerja-kerja akan berterusan sehingga projek Rancangan Malaysia Kelima. Sejumlah \$300,000 akan digunakan oleh Jabatan Parit dan Taliair Wilayah Persekutuan untuk kerja-kerja penyelenggaraan jangka pendek. Kerja tanah yang dijalankan adalah dikawal supaya hakisan tanah tidak berlaku dan kerja "desilting" dijalankan di sungai-sungai yang telah menjadi cetek. Di bawah Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur, kerja sedang dijalankan untuk membesarkan sungai-sungai, jambatan-jambatan dan pembentong-pembentong yang tidak cukup besar.

Perlu dimaklumkan bahawa projek untuk mengatasi masalah banjir adalah satu projek yang berterusan dan ianya memakan masa yang panjang. Kejayaan Kementerian saya melaksanakan rancangan ini bukan sahaja bergantung kepada kedudukan kewangan akan tetapi bekerjasama orang ramai. Orang ramai bolehlah mengambil bahagian dalam bekerjasama supaya tidak membuang sampah dan lain-lain kekotoran di parit-parit dan sungai-sungai.

#### **POLISI PERTANIAN NEGARA— GARIS PANDUAN**

**29. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah garis panduan utama di bawah Polisi Pertanian Negara dan memberi senarai masalah-masalah utama yang dihadapi oleh para petani dan menyatakan bagaimana Polisi Pertanian Negara ini dapat menyelesaikan masalah-masalah tersebut.

**Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Antara masalah-masalah utama yang dihadapi oleh para petani ialah saiz ladang yang tidak ekonomik, tanaman yang memberi keuntungan yang rendah, kaedah pengeluaran tradisional dan juga kekurangan tenaga yang produktif yang menyebabkan tanah yang diberi milik tidak diusahakan.

Berdasarkan kepada masalah-masalah ini, Dasar Pertanian Negara telah digubal dengan matlamat untuk memaksimumkan pendapatan daripada pertanian melalui penggunaan sumber-sumber negara dengan cekap dan mempergiatkan semula sumbangan sektor pertanian kepada pembangunan ekonomi negara keseluruhannya.

Masalah-masalah ini akan diatasi melalui pendekatan pembangunan insitu, pembukaan tanah baru, penyediaan perkhidmatan perkhidmatan sokongan pertanian yang cekap yang berupa penyelidikan, perkembangan serta pemasaran dan pembangunan sosial dan institusi. Garis panduan bagi pembangunan barangan/komoditi tertentu juga digariskan di mana pemilihan jenis tanaman yang memberi pendapatan yang tinggi akan digalakkan. Di samping itu program-program akan disusun dalam bentuk penyatuan tanah dan galakan perladangan secara kumpulan di bawah satu pengurusan untuk meningkatkan daya pengeluaran di samping mengatasi masalah kekurangan buruh.

#### **LAWATAN KE NEGARA-NEGARA BARAT—HASIL**

**30. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil lawatan beliau ke negara-negara maju di Barat baharu-baharu ini, seperti Canada, Amerika Syarikat, Perancis dan sebagainya.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi** Pertanyaan ini telah pun dijawab oleh Y.A.B. Perdana Menteri di Dewan ini bersamaan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pada 13hb Mac, 1984. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

#### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN DAN PERLUASAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 bagi mem-

perluaskan peruntukan-peruntukan-nya yang tertentu ke negeri-negeri Sabah dan Sarawak dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pengangkutan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kemudian.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1982 DAN 1983)

Bacaan Kali Yang Kedua

3.35 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan 1982 dan 1983 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$2,743,541,562 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan Anggaran Belanja Mengurus 1982 dan 1983 iaitu sebanyak \$8,170,000 bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Keempat 1982 dan sebanyak \$2,735,371,562 bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1983.

*Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Keempat 1982.*

Sebenarnya, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Keempat 1982 berjumlah \$8,223,800.00 tetapi hanya

sebanyak \$8,170,000 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 2 seperti yang dibutirkan dalam Jadual Pertama Rang Undang-undang ini. Oleh kerana bakinya sebanyak \$53,800 adalah merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan Undang-undang tertentu. Peruntukan tambahan ini adalah diperlukan bagi membiayai perbelanjaan yang tidak diperuntukan atau yang tidak diperuntukan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus 1982 yang asal serta Anggaran-anggaran Perbelanjaan Tambahan Pertama, Kedua dan Ketiga, 1982.

Di bawah Perbelanjaan Bekalan, semua tambahan sebanyak \$8,170,000 adalah diperlukan oleh Kementerian Luar Negeri untuk membiayai sewaan bangunan pejabat dan kediaman bagi perwakilan-perwakilan Malaysia yang baru dibuka di beberapa buah negara serta pembelian alat-alat kelengkapan bagi kegunaan pejabat-pejabat perwakilan yang baru dibuka itu selain dari membiayai sewa kapal terbang bagi lawatan-lawatan rasmi.

Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Keempat 1982 ini boleh didapati dalam penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3/1984 dan dalam memorandum Perbendaharaan yang dibentang sebagai Kertas Perintah 4/1984. Dengan tambahan sebanyak \$8,170,000 yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini, maka jumlah Anggaran Perbelanjaan Bekalan bagi 1982 menjadi \$14,381,913,696 semuanya. Jika dimasukkan Anggaran Perbelanjaan Tanggungan yang berjumlah \$4,484,302,709 maka jumlah besar Anggaran Belanja Mengurus bagi 1982 menjadi \$18,866,216,405 semuanya.

*Anggaran Belanja Mengurus (Tamb.)  
(Bil. 1) 1983*

Tuan Yang di-Pertua, bagi Anggaran Belanja Mengurus (Tamb.) (Bil. 1) 1983 peruntukan tambahan yang dikehendaki adalah berjumlah \$2,785,702,612.00. Dari jumlah tersebut sebanyak \$2,735,371,562.00 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 3 seperti yang dibutirkan dalam Jadual Kedua Rang Undang-undang ini. Oleh kerana bakinya sebanyak \$50,331,050.00 adalah merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Peruntukan tambahan ini adalah diperlukan bagi membiayai perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus 1983 yang asal.

Dari jumlah \$2,735,371,562 di bawah Perbelanjaan Bekalan sebanyak \$35,336,510.00 adalah untuk menampung kekurangan peruntukan di bawah emolumen dan bakinya sebanyak \$2,700,035,052.00 adalah untuk menampung kekurangan peruntukan di bawah lain-lain perbelanjaan yang diperlukan oleh beberapa buah Kementerian dan Jabatan. Tambahan tersebut sebanyak \$2.350 juta adalah dikehendaki bagi menambah peruntukan kepada Kumpulan wang Terkanun. Dari jumlah tersebut sebanyak \$2.250 juta adalah dikehendaki untuk dipindahkan kepada Kumpulan wang Pembangunan bagi membiayai projek-projek pembangunan Kerajaan dan sebanyak \$100 juta adalah dikehendaki untuk menambah peruntukan bagi Kumpulan wang Cadangan untuk Negeri untuk menampung pemberian baru yang didasarkan kepada tahap pembangunan ekonomi, infrastruktur

dan kesejahteraan hidup seperti yang telah diluluskan oleh Majlis Kewangan Negara pada 12hb Mac, 1983.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu tambahan sebanyak \$272.6 juta adalah dikehendaki bagi Perkhidmatan Am Perbendaharaan. Dari jumlah tersebut sebanyak \$126.8 juta adalah diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membiayai tuntutan-tuntutan bayaran subsidi petroleum yang telah diterima dalam tahun 1983. Sebanyak \$100 juta adalah diperlukan untuk menambah peruntukan bagi Perkhidmatan Rahsia dan bakinya sebanyak \$45.8 juta adalah diperlukan untuk menambah peruntukan bagi pelaburan dan pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membantu Kerajaan-kerajaan Negeri membiayai pertambahan perbelanjaan emolumen berikutan dengan penyemakan semula tangga gaji mengikut Laporan Jawatankuasa Kabinet yang berkuatkuasa mulai 1hb Julai, 1980.

Selain daripada itu sebanyak \$34.9 juta adalah dikehendaki oleh Polis Diraja Malaysia untuk membiayai emolumen dan lain-lain perbelanjaan mengurus.

Sebanyak \$23.8 juta adalah dikehendaki oleh Kementerian Luar Negeri untuk membiayai pelbagai Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian tersebut dan sebanyak \$14.6 juta adalah dikehendaki oleh Kementerian Pelajaran untuk membiayai emolumen dan lain-lain Perbelanjaan Mengurus bagi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang telah ditubuhkan dalam tahun 1983.

Tuan Yang di-Pertua, yang lain-lainnya adalah merupakan tambahan-tambahan kecil untuk berbagai perkhidmatan di bawah lain-lain Kementerian dan Jabatan. Butir-butir

dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Belanja Mengurus (Tamb.) (Bil. 1) 1983 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah No. 5 Tahun 1984 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah No. 6 Tahun 1984.

Selepas ucapan ini saya akan mengemukakan pula satu usul mengenai Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1982 dan Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1983.

*Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1982*

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1982 berjumlah \$250 sahaja iaitu merupakan peruntukan tanda. Dari jumlah tersebut sebanyak \$240 adalah perbelanjaan cara langsung dan bakinya sebanyak \$10 adalah perbelanjaan pinjaman. Dengan cadangan tambahan ini maka jumlah besar peruntukan Anggaran Pembangunan bagi tahun 1982 menjadi \$16,406,359,567.00.

Peruntukan tanda tersebut adalah diperlukan untuk menyelaraskan hak jumlah anggaran harga projek bagi beberapa butiran berikutan dari perbelanjaan-perbelanjaan yang telah dilakukan dalam tahun 1982 ke atas projek-projek berkenaan yang melebihi jumlah anggaran bagi tahun 1981 hingga 1985 dan juga untuk mewujudkan satu butiran baru bagi membiayai projek membina landasan keretapi dan sambungan ke Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur. Jumlah peruntukan tambahan yang diperlukan bagi membiayai projek-projek berkenaan telah ditampung secara pindah peruntukan.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1982 ini adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah No. 7 Tahun 1984 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah No. 8 Tahun 1984.

### **ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.) (PERTAMA) 1983**

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya mengemukakan pula cadangan Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Pertama) 1983 berjumlah \$934,771,355.00. Dari jumlah tersebut sebanyak \$93,005,560.00 adalah perbelanjaan secara langsung dan bakinya sebanyak \$841,765,795.00 adalah perbelanjaan pinjaman. Tambahan terbesar adalah dikehendaki di bawah sektor ekonomi iaitu berjumlah \$888 juta atau 95% daripada jumlah peruntukan tambahan yang dicadangkan itu.

Jumlah ini yang termasuk sebanyak \$600 juta yang dikehendaki oleh Yayasan Pelaburan Bumiputera untuk membolehkan pinjaman semula dibuat kepada Permodalan Nasional Berhad bagi menambah pelaburan dalam Bank Bumiputera Malaysia Berhad sebagai menepati kehendak Akta Bank 1973 supaya modal bank yang dibayar adalah selaras dengan penambahan perniagaan bank tersebut. Sebanyak \$109.6 juta adalah untuk bayaran pendahuluan bagi melaksanakan projek-projek Telekom secara sistem turn-key, sebanyak \$61.7 juta adalah merupakan pinjaman kepada pihak berkuasa pekebun-pekebun kecil perusahaan getah (RISDA) untuk membiayai projek-projek sokongan di bawah Program Tanaman Semula Getah.

Sebanyak \$40 juta adalah diperlukan untuk membiayai projek-projek Lembaga Lebuhraya Malaysia. Sebanyak \$28.8 juta adalah untuk melaksanakan projek-projek pembangunan Lembaga Pelabuhan Johor yang dibiayai secara pinjaman dan sebanyak \$21 juta adalah untuk membiayai kerja-kerja pembinaan jalan-jalan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu tambahan sebanyak \$31.9 juta atau 3.3% daripada jumlah tambahan peruntukan yang dicadangkan ini adalah untuk sektor pentadbiran. Tambahan terbesar di bawah sektor ini ialah untuk membiayai pembinaan pejabat dan rumah kediaman kakitangan, Jabatan Kastam dan kerja-kerja pengubahsuaian, pembinaan bangunan dan pembelian alat-alat kelengkapan bagi kegunaan perwakilan-perwakilan Malaysia di seberang laut. Selain dari itu sebanyak \$7.6 juta adalah diperlukan untuk sektor sosial dan sebanyak \$7.2 juta adalah untuk sektor keselamatan bagi membiayai beberapa projek dan rancangan di bawah sektor-sektor berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, yang lain-lainnya adalah merupakan tambahan-tambahan kecil termasuk beberapa peruntukan tanda \$10 bagi membiayai beberapa butiran di bawah berbagai sektor. Butir-butir dan perbelanjaan lanjut mengenai Anggaran Tambahan Pertama 1983 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 1984 dan juga dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10 Tahun 1984.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (Bil. 4), 1982

## DAN

### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL.1), 1983

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam peraturan urusan mesyuarat yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$934,771,605 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1982, untuk menampung sejumlah \$250 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat 1982 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7 Tahun 1984 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan kesepuluh dan kesebelas; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1983, untuk menampung sejumlah \$934,771,355 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran

(Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1983 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 1984 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan kesepuluh dan kesebelas disenaraikan kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1982 dan 1983 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu dibaca kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

3.58 ptg.

**Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1982 dan 1983). Di bawah Rang Undang-undang itu pihak Kerajaan bercadang untuk

memperuntukkan wang sejumlah sebanyak lebih \$8 juta kepada Kementerian Luar Negeri.

Mengikut maksud-maksud yang disenaraikan seperti Maksud B. 28, B. 31, P. 28 perbelanjaan tersebut adalah diperuntukkan untuk tujuan pentadbiran am dan untuk memudahkan kerja-kerja perwakilan Malaysia di seberang laut dalam tugas mereka menjalankan tugas dasar luar negeri Malaysia. Sebahagian daripada jumlah itu juga diperlukan untuk membiayai sewaan kapalterbang bagi lawatan-lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan rombongannya ke luar negeri, dengan ini saya ingin membangkitkan beberapa perkara mengenai dasar luar negeri juga perkara-perkara yang berhubung dengan perdagangan antarabangsa yang akan mempengaruhi terdapat keadaan ekonomi negara kita.

Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri apabila beliau menggulung perbahasan ke atas Titah Ucapan Diraja tidak lama dahulu beliau telah menjelaskan dengan penuhnya peranan yang sedang dimainkan oleh Malaysia berhubung dengan persoalan Palestine.

Tuan Yang di-Pertua, soal Palestine adalah salah satu daripada konflik-konflik yang dihadapi oleh masyarakat dunia buat masa sekarang dan kedamaian rantau serta kedamaian dunia bergantung kepada usaha mencari penyelesaian kepada masalah itu oleh negara-negara yang terlibat bahkan oleh kuasa-kuasa besar.

Di samping itu, rantau-rantau lain juga menghadapi ugutan kepada kestabilan dan keselamatan dunia seperti Afghanistan, Kampuchea dan Latin America. Memanglah baik jikalau Malaysia sebagai sebuah negara membangun yang kecil boleh menyumbang ke arah penyelesaian

ketegangan antarabangsa itu melalui usaha-usaha yang bersungguh-sungguh dengan anggota Negara-negara ASEAN yang lain ataupun OIC ataupun Summit Negara-negara Berkecuali. Pada masa sekarang sejak Perang Dunia Kedua, negara-negara kecil yang membangun sentiasa digunakan oleh Kuasa-kuasa Besar untuk kepentingan politik mereka. Jikalau negara kita boleh memainkan satu peranan yang efektif, yang positif agar menyumbangkan kepada suatu "world order" yang lebih adil, yang lebih teratur, pihak Kerajaan seharusnya diberi galakan dan sokongan sepenuhnya oleh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pihak DAP sebagai parti Pembangkang Baginda yang taat setia kepada Baginda serta Negara menentang dasar-dasar Barisan Nasional oleh kerana DAP bertanggungjawab untuk menjaga kepentingan rakyat dan kepentingan negara. Akan tetapi, bagi pihak DAP, saya terpaksa sebagai seorang ahli Pembangkang yang bertanggungjawab mengucap tahniah kepada pihak Kerajaan yang merumuskan beberapa Dasar Luar Negeri yang ada walaupun saya berasa bahawa kadang-kadang sikap dan pendirian Kerajaan tidak cukup tegas terhadap konflik-konflik antarabangsa yang tertentu. Saya faham oleh kerana daya dan akal yang terhad, tidak senangnya bagi Malaysia memainkan satu peranan yang lebih berkesan ke arah kedamaian dunia. Mungkin lah keutamaan dan perhatian juga haruslah diberi kepada bidang-bidang yang lain.

Apa yang saya ingin tekankan dalam ucapan saya ini ialah berhubung dengan keadaan yang tidak adil, perdagangan antarabangsa, khususnya kepada sebuah negara penghasil komoditi utama seperti Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, setiap

tahun berjuta-juta ringgit diperuntukkan kepada Kementerian Luar Negeri agar memudahkan kerja-kerja perwakilan Malaysia di seberang laut dan memperolehi lawatan-lawatan pemimpin dan rombongan diplomatik ke luar negeri. Maka memanglah menjadi kewajipan mereka untuk berusaha mengatasi masalah perdagangan antarabangsa yang paling penting, sebabnya kepentingan secara langsung Malaysia sebagai penghasil komoditi utama bergantung kepada keselesaan masalah itu, malangnya kerjasama antarabangsa dalam bidang perdagangan semakin lemah, semakin kurang.

Sidang kemuncak di Cancun pada 22hb dan 23hb Oktober, 1981 telah gagal untuk memulihkan Dialog Utara-Selatan untuk mewujudkan sebarang kesan yang bermakna ke atas kerjasama ekonomi antarabangsa di antara negara maju dan negara sedang membangun. Perundingan dalam forum-forum lain seperti diadakan oleh 7 buah negara-negara perindustrian, seperti Inter-Governmental Follow-up and Coordination Committee (IFCC), seperti Economic Cooperation Among Developing Countries (ECDC) ataupun General Agreement on Trade and Tariff (GATT), dengan izin, di peringkat Menteri, semuanya telah gagal mewujudkan sebarang jambatan di antara Utara dan Selatan, di antara negara maju dengan negara sedang membangun. Akibatnya, langkah-langkah perlindungan (protectionist measures) menerusi tarif atau bukan tarif terus menjejaskan kemajuan yang dicapai oleh negara-negara membangun dalam bidang ekonomi dan perdagangan. Maka akibatnya, di dalam tahun 1982 negara-negara membangun mengalami kemerosotan dalam Keluaran Kasar Dalam Negara (GDP) buat kali pertama sejak tahun 50an.

Harga barangan, khususnya hasil utama berada pada paras yang paling rendah sejak Perang Dunia Kedua. Walaupun harga kelapa sawit serta getah sedang menaiki sedikit, akan tetapi kita tidak pasti sejauh manakah kenaikan harga itu akan terus-menerus untuk memulihkan ekonomi Malaysia kerana kita tidak dapat pasti sama ada Amerika Syarikat akan menjual stockpilenya pada masa yang genting (crucial).

Oleh kerana kerjasama antara-bangsa yang lebih bermakna, jumlah hutang semua negara di dunia ini yang dicatatkan pada tahun 1982 berjumlah lebih kurang US\$600,000 juta dan jumlah pembayaran khidmat hutang (debt servicing) tahunan sahaja adalah lebih dari US\$100,000 juta dalam tahun 1982.

Di negara kita, Tuan Yang di-Pertua, khidmat bayaran hutang adalah dianggarkan bertambah sebanyak 44% berjumlah \$3,930 juta pada tahun 1983, walaupun angka ini anggaran sahaja, saya belum mendapat angka yang sebenarnya. Angka ini berbanding dengan \$2,723 juta dalam tahun 1982 dan ini disebabkan terutamanya oleh pertambahan dalam pinjaman Kerajaan Persekutuan. Mujurlah negara kita masih mendapat pendapatan yang besar pengeksporan petroleum. Jika tidak ada petroleum, ekonomi Malaysia akan jatuh dengan teruk.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini amatlah serius. Kesungguhan sekutu-sekutu oleh negara-negara dunia ketiga haruslah ditingkatkan untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Mungkin Dialog Selatan-selatan mestilah dijalankan dengan lebih berkesan bagi mencari jalan menentang langkah-langkah

perlindungan negara-negara maju. Mungkin barter trading ataupun counter trading boleh diinstitusikan untuk mewujudkan perdagangan di antara negara-negara membangun, terutamanya perdagangan berhubung dengan hasil utama mahupun barang-barang pembuatan.

Tuan Yang di-Pertua, tekanan diplomatik antarabangsa dari pada pihak dunia ketiga haruslah diberi keutamaan supaya menunjukkan bahawa jika kepentingan jangka pendek negara maju adalah dilindungi melalui dasar "protectionism", maka kepentingan jangka panjang mereka sendirinya akan dilonggarkan dengan cara protectionism yang sama.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, bukan tarif sahaja satu masalah yang dihadapi oleh negara-negara membangun, termasuklah Malaysia, tetapi langkah-langkah protectionism yang bukan tarif juga menjadi halangan kepada satu "international trade order" yang lebih teratur dan lebih adil.

Negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Jepun selalu mengenakan tarif yang haruslah ditemu berhubung dengan eksportan negara kita, khususnya eksportan makanan. Tarif yang diperkenalkan adalah biasanya tidak begitu menasabah, akibatnya pasaran-pasaran luar negeri yang tertentu adalah tertutup keeksportan Malaysia. Kadang-kadang langkah-langkah protectionism mengambil bentuk yang lain seperti yang berlaku di Perancis di mana borang eksport ke negara itu adalah bahasa Perancis dan haruslah diisi dalam bahasa Perancis. Di samping itu, langkah-langkah protectionism yang diamalkan oleh negara-negara maju adalah tindakan

diambil ke atas barangan yang telah diproses dan bukanlah ke atas barangan utama.

Akibatnya oleh kerana pasaran kurang perindustrian untuk memproseskan hasil utama di Malaysia tidak dapat digalakkan. Akibatnya negara kita mengalami kerugian dan peluang pekerjaan juga dikurangkan.

Di samping itu oleh kerana negara kita mengeksport hanya barangan utama yang berharga rendah ke Jepun seperti contohnya tetapi mengimportkan barangan perubatan yang amat mahal khususnya alat-alat jentera, kereta-kereta, bahan-bahan kimia dan lain-lain keluaran kilang, deficit besar dalam imbalan dengan Jepun timbul. Deficit dalam imbalan itu pada tahun 1983 setakat bulan Ogos berjumlah sebanyak \$1,228 juta. Saya berpendapat bahawa dengan pelaksanaan Pandang ke Timur, perdagangan diantara Malaysia dan Jepun akan ditingkatkan. Maka jika pasaran Jepun tidak akan dibuka bagi barangan eksportan Malaysia lain daripada selain daripada hasil utama deficit imbalan perdagangan kita dengan Jepun akan meluas. Oleh yang demikian saya harapkan Kerajaan kita akan meningkatkan perbincangan perdagangan dengan Jepun supaya keadaan yang tidak sehat dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, dunia ini adalah serupa dengan sebuah "Global Village", dengan izin, dan kerjasama antarabangsa di dalam bidang perdagangan dan ekonomi adalah amat penting kepada kepentingan masyarakat dunia ini.

Mungkinlah masa sesuai sudah tiba untuk Malaysia mengambil pendirian yang lebih keras dalam perkara perdagangan dan ekonomi. Sebagai sebuah negara penghasil utama, Malaysia tidak mampu mengekalkan

keadaan perdagangan antarabangsa yang tidak adil di mana Malaysia akan menjadi, dengan izin, victim of trade colonisation.

Saya harapkan keutamaan akan diberi oleh dasar luar negeri kepada perkara perdagangan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya kesihatan dan kestabilan ekonomi negara kita bergantung kepada harga barangan hasil kita yang setabil dan adil, serta keadaan perdagangan antarabangsa yang terbuka, maka kesihatan dan kestabilan politik negara kita bergantung kepada kesihatan ekonomi tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus.

*4.12 ptg.*

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman (Ulu Nerus):** Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong dan membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1984 yang meminta sebanyak \$8.1 juta bagi belanja mengurus 1982 dan \$2,735 juta bagi belanja mengurus 1983, sukalah saya menyentuh beberapa perkara dengan ringkasnya.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan tambahan ini adalah diperlukan bagi menampung perbelanjaan-perbelanjaan yang telah dibuat tetapi telah tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya di dalam belanjawan-belanjawan dan Akta-akta Perbekalan Tambahan di dalam tahun-tahun berkenaan.

Tidaklah dapat menafikan bahawa di dalam urusan-urusan Kerajaan sebagai Badan pentadbir, Badan pengurus dan pembangunan yang terbesar dan paling utama dalam negara ini, perancangan belanjawan

adalah satu perkara yang amat rumit dan kompleks dan keperluan-keperluannya sangat sukar hendak diramalkan dengan tepatnya. Kawalan-kawalan terhadap perbelanjaan di berbagai peringkat dan oleh berbagai Jabatan dan Agensi-agensi juga adalah satu perkara yang tidak mudah dilaksanakan dengan sempurna, licin dan berkesan. Dengan hal yang demikian itu keperluan terhadap peruntukan-peruntukan tambahan kepada belanjawan-belanjawan asal adalah suatu fenomena biasa dan tidak dapat dielakkan.

Walau bagaimanapun sekalipun Tuan Yang di-Pertua, ini tidaklah bermakna bahawa perbelanjaan negara boleh dibuat sewenang-wenangnya di luar daripada peruntukan-peruntukan belanjawan yang telah disediakan dengan mengharapkan perbelanjaan begini boleh ditampung melalui perbekalan-perbekalan tambahan, oleh kerana sikap dan pendekatan begini pada pandangan saya boleh menggambar dan menimbulkan kelemahan-kelemahan serta kesulitan-kesulitan kepada perancangan dan pembentukan serta kawalan belanjawan ini sendiri.

Belanjawan adalah suatu terjemahan daripada perancangan dan program-program yang telah pasti disusun dan dikaji bagi tahun-tahun yang berkenaan, hasil daripada suatu proses perancangan yang berpanjangan sebelumnya.

Ini bererti bahawa setiap Jabatan dan Agensi senantiasalah telah pun mengesan dan menyediakan perancangan-perancangan lengkap terhadap tiap-tiap aktiviti dan projek yang hendak dilaksanakan dalam tahun yang berkenaan kecuali bagi yang benar-benar berupa perbelanjaan kontingensi, yang benar-benar tidak dapat dielakkan.

Di dalam pembentukan belanjawan pada pandangan saya, faktor kepastian dan ketetapan schedule kerja dan belanja kos adalah diutamakan. Belanjawan dan proses menyediakan belanjawan bukanlah satu ritual, dengan izin, yang dilaksanakan bila tiba masanya tanpa mementingkan dan mengutamakan kesempurnaan dan ketepatannya. Belanjawan dan proses penyediaan belanjawan pada pandangan saya adalah suatu usaha perancangan pelaksanaan dan pengawalan yang penting bagi Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi di dalam menentukan perkhidmatan dan pembangunan negara dan rakyat dan menjadi kayu pengukur kepada prestasi kejayaan atau kegagalan mereka. Setiap Jabatan dan Agensi adalah bertanggungjawab ataupun accountable, dengan izin, terhadap prestasi belanjawan mereka setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, jika inilah yang menjadi asas dan kepentingan belanjawan negara, soalnya mengapa biasanya terdapat dua keadaan iaitu keadaan di mana shortfall, dengan izin, di mana . . . . .

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta jalan atau membangkitkan tertib mesyuarat?

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tidak apa, saya rasa tidak cukup korum, tetapi sekarang baharulah dua orang Ahli masuk ke dalam Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, sila teruskan.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlalu cepat!

Tuan Yang di-Pertua, jika inilah yang menjadi asas dan kepentingan belanjawan negara, soalnya mengapakah biasanya terdapat dua keadaan di dalam prestasi belanjawan iaitu keadaan di mana berlakunya shortfall, dengan izin, di mana Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi gagal mencapai matlamat belanjawan dan juga keadaan di mana perbelanjaan melebihi peruntukan belanjawan yang memerlukan peruntukan-peruntukan tambahan.

Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, kita masih lagi menghadapi beberapa masalah dan kekurangan-kekurangan dalam pembentukan dan penyediaan belanjawan negara. Belanjawan kita adalah suatu Belanjawan yang centralised, dengan izin, yang menggunakan pendekatan dari bawah ke atas di mana Belanjawan Negara adalah hasil daripada belanjawan-belanjawan semua peringkat dan berbagai Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi, di mana Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi dikehendaki mengemukakan belanjawan mereka untuk diperiksa oleh Jabatan-jabatan pusat yang bertanggungjawab terhadap pembentukan Belanjawan Negara.

Di dalam keadaan begini beberapa isu ataupun perkara pokok biasanya timbul dan telah pun timbul. Yang pertamanya kesempurnaan dan ketepatan maklumat yang diperolehi adalah sangat-sangat bergantung kepada kesempurnaan dan ketepatan maklumat yang diberikan oleh Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi.

Dengan hal yang demikian itu perkara kesempurnaan belanjawan Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi adalah menjadi kritikal. Saya berpendapat tidak semua Jabatan dan Agensi dapat menyediakan belanjawan yang sempurna dan tepat dan mungkin banyak Jabatan dan Agensi yang mengalami masalah dan

kurang keupayaan menyediakan belanjawan-belanjawan yang sempurna dan tepat atau yang sebenarnya memilih untuk tidak mahu mengemukakan maklumat yang tepat di atas sebab-sebab yang tertentu.

Tidaklah dapat dinafikan bahawa terdapat Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi yang bukan sahaja tidak ataupun kurang mempunyai struktur organisasi dan kakitangan perancangan kewangan dan teknikal yang cukup yang boleh menjadi perancangan aktiviti-aktiviti dan pembentukan belanjawan yang sempurna dan tepat, tetapi sebenarnya banyak juga Jabatan dan Agensi yang tidak dapat menumpukan kepada perancangan belanjawan yang sistematik kerana mereka sebenarnya bogged down, dengan izin, dengan tugas-tugas harian.

Kepada setengah Jabatan dan Agensi perancangan mungkin bukan suatu perkara yang dianggap sebagai "continuous process" tetapi mungkin juga dianggap sebagai suatu yang boleh dibuat secara ad-hoc dan tidak kurang pula idea dan aktiviti-aktiviti dilahirkan bila tiba masa belanjawan perlu dikemukakan untuk mendapat peruntukan-peruntukan daripada Kerajaan bagi tahun berikutnya. Hasilnya ialah pembentukan projek-projek atau aktiviti-aktiviti yang kelihatannya sahaja diperlukan, viable dan feasible, tetapi yang sebenarnya belum terkaji dengan terperinci dan perkara kemampuan untuk pelaksanaan mengikut schedule yang diutarakan di dalam cadangan belanjawan tidak dapat dipastikan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah ini langkah-langkah perlu diambil supaya semua Jabatan dan agensi membentuk sistem dan keupayaan menyediakan belanjawan yang benar-benar sempurna, tepat dan bererti di semua

jabatan dan Agensi Kerajaan di semua peringkat. Proses perancangan dan penyediaan belanjawan hendaklah dipastikan diterima sebagai satu proses yang penting dan sistem-sistem bagi membolehkan belanjawan-belanjawan dibentuk bagi Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi seperti sistem bank data, penyelarasan di antara bahagian-bahagian dalam jabatan-jabatan dan Agensi-agensi patutlah diwujudkan, diperkemas dan diperkesankan lagi.

Agensi-agensi pusat yang bertanggungjawab memeriksa cadangan-cadangan belanjawan Jabatan dan Agensi hendaklah memastikan bahawa hanya projek-projek dan aktiviti-aktiviti yang telah dirangka dan dikaji sedalam-dalamnya dan yang menyakinkan sahaja diluluskan dan diberikan peruntukan-peruntukan serta keutamaan. Di dalam proses pemereksaan belanjawan-belanjawan Jabatan dan Agensi-agensi, keputusan untuk diluluskan atau sebaliknya atau meluluskan satu peruntukan yang realistik terhadap permintaan yang dibuat patutlah dibuat seobjektif mungkin.

Perkara pokok kedua yang timbul berhubung dengan pendekatan belanjawan yang centralised ini ialah terdapatnya kegendalaan dan kurang cukup masa bukan sahaja bagi Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi membentuk dan mengemukakan cadangan-cadangan belanjawan mereka tetapi juga bagi Agensi pusat yang bertanggungjawab terhadap pembentukan Belanjawan Negara memeriksa dan menyediakan Belanjawan Negara. Faktor masa dan kegendalaan ini walau bagaimanapun adalah relatif kepada masalah-masalah, kelemahan-kelemahan dan faktor keupayaan Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi itu. Di dalam keadaan begini, Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar dan mustahil untuk

mengharapkan kepada pembentukan belanjawan Jabatan dan Agensi-agensi yang sempurna, tepat dan realistik dan tidaklah mustahil perkara itu menimbulkan keadaan kelim-kabut dan kekecewaan kepada pegawai-pegawai pemeriksa cadangan-cadangan belanjawan. Belanjawan yang disediakan di dalam keadaan mendesak dan terdesak tentulah mudah menimbulkan berbagai shortcomings.

Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah perancangan dan pembentukan belanjawan sebagaimana yang dimaksudkan pada pandangan saya telah menghasilkan beberapa pendekatan yang kurang sihat di dalam Belanjawan Negara seperti wujudnya apa yang disebutkan sebagai peruntukan namaan (token vote), peruntukan siling (ceiling vote) bagi satu-satu Agensi, bagi satu-satu sektor dan program dan juga pembentukan peruntukan blok (block vote). Peruntukan-peruntukan begini terpaksa dibuat bagi menjamin projek-projek dan aktiviti-aktiviti yang belum pasti dan belum dirancangan diberi peruntukan dan dilaksanakan di dalam tahun belanjawan yang berkenaan terutamanya bagi memastikan pencapaian dasar dan program tertentu Kerajaan. Sungguhpun pendekatan ini boleh memberikan flexibility dan membantu Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan untuk mencapai matlamat-matlamat yang tertentu, saya berpendapat ianya boleh menjejaskan pencapaian prestasi dan bertentangan dengan prinsip utama belanjawan yang berkehendakkan kepastian dan ketepatan maklumat dan memastikan hanya projek-projek yang telah tersedia dan bersedia sahaja diluluskan dalam belanjawan tahunan.

Kita sepatutnya tidaklah boleh menggalakkan projek-projek yang belum bersedia dan aktiviti-aktiviti

yang belum terkaji dengan teliti dilaksanakan. Malahan saya berpendapat secara umumnya projek-projek yang tidak dirancang dan diperuntukkan dalam belanjawan-belanjawan tahunan yang berkenaan tidaklah patut sama sekali dibenar untuk dilaksanakan. Sekiranya aktiviti-aktiviti ini sebenarnya penting dan siap sedia sudah pasti ia telah dapat dikesan di dalam cadangan-cadangan belanjawan asal. Hakikat bahawa projek-projek ataupun aktiviti ini telah tidak dikemukakan dalam cadangan belanjawan yang asal jelas menunjukkan bahawa ia tidak dipentingkan dan mungkin belum tersedia untuk dilaksanakan dan kemungkinan banyak di antara aktiviti begini yang akan menyebabkan pembaziran perbelanjaan Kerajaan adalah satu perkara yang tidak sukar untuk digambarkan.

Saya adalah mengesyorkan supaya di masa-masa akan datang projek-projek yang telah ditidak diluluskan dan diperuntukkan dalam belanjawan tahunan yang berkenaan hendaklah jangan diluluskan dan diperuntukkan melalui perbekalan tambahan, hendaklah ditangguhkan sehingga tahun belanjawan yang akan datang kalau tidak keterlaluan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sementara terdapat keadaan di mana peruntukan-peruntukan tambahan yang menyebabkan Kerajaan menanggung belanja bagi memenuhi keperluan kos dan perbelanjaan kos dan perbelanjaan aktiviti yang terdapat pula satu keadaan di mana peruntukan-peruntukan yang dikeluarkan oleh setengah-setengah Jabatan dan Agensi bagi menampung pembayaran dan tanggungan kerja telah tidak digunakan sebagaimana yang dimaksudkan. Kita memang mengetahui bahawa terdapat

setengah-setengah Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi yang mengeluarkan peruntukan-peruntukan bagi projek-projek ataupun kegiatan tertentu sedangkan kegiatan-kegiatan dan projek-projek tersebut belum lagi hendak dilaksanakan atau kemajuannya belum sampai ke peringkat pengeluaran peruntukan sebanyak yang dipohonkan.

Apa yang saya hendak bangkitkan di sini ialah tentang terdapatnya setengah Agensi yang didapati menggunakan peruntukan dimaksudkan untuk membiayai kegiatan-kegiatan, aktiviti-aktiviti tertentu itu untuk disimpan di dalam Simpanan Tetap di bank-bank bagi sesuatu jangka masa tertentu dan untuk digunakan sebagai modal pusingan atau untuk menampung mengimbangkan aliran tunia agensi mereka. Amalan ini sungguhpun memberikan flexibility kepada agensi-agensi di dalam merancang penggunaan dan pengawalan kewangan mereka pada pandangan saya adalah merugikan Kerajaan. Oleh kerana Kerajaan telah menggunakan punca-punca kewangannya sebelum ianya benar-benar diperlukan. Saya berharap Kerajaan akan dapat mengkaji keadaan ini dan memastikan amalan seperti ini dapat diberhentikan.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan saya mohon menyokong.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

4.32 ptg.

**Tuan Karpal Singh (Jelutong):** Tuan Speaker, maksud Rang Undang-undang depan kami ialah membenarkan bayaran tambahan bagi perbelanjaan tambahan bagi perbelanjaan perkhidmatan

Persekutuan dalam tahun-tahun 1982 dan 1983 dan di mana perbelanjaan itu ada melebihi perbelanjaan di dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahun 1982 dan 1983 dan tiga anggaran tambahan lain bagi tahun-tahun ini.

Tuan Speaker, Perkara 103 Perlembagaan Persekutuan membenarkan Perlimen mendirikan satu tabung perbelanjaan tertentu, dengan izin, contingencies fund dan juga membenarkan Menteri Kewangan jika beliau berpendapat satu keadaan telah timbul di mana ada keperluan perbelanjaan yang tiada diuntukkan dalam peruntukan yang ada. Inilah sebab Rang Undang-undang ini dibentangkan.

Tuan Speaker, sungguhpun tidak dapat dinafikan Parlimen hendak dan mesti ada kuasa untuk mengadakan undang-undang seperti itu. Saya suka mengambil peluang membahas keadaan dalam satu-satu Kementerian.

Tuan Speaker, jadual yang kedua Rang Undang-undang cuba meminta kebenaran bagi mendapatkan perbelanjaan tambahan bagi Jabatan Perdana Menteri. Tuan Speaker, Jabatan Perdana Menteri ialah satu Jabatan penting. Jabatan ini juga mengawal Jabatan Kehakiman dan Perkhidmatan Undang-undang. Baru-baru ini ada timbul controversy besar atas perkara Peguam Negara mengetuai kedua Jabatan Kehakiman dan Jabatan Undang-undang dalam negara ini. Tuan Speaker, sungguhpun baru-baru ini Hakim Persekutuan, Tan Sri Hashim Yeop Sani menentukan bahawa Peguam Negara bukanlah ketua perkhidmatan kehakiman dan undang-undang khasnya bagi mahkamah-mahkamah rendah dalam negara. Peguam Negara ada kuasa untuk sokong penukaran

dan kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai rendah dalam perkhidmatan-perkhidmatan ini.

Tuan Speaker, Peguam Negara ini iaitu dengan menjadi Pendakwaraya di negara ini tidak boleh diberi apa-apa kuasa atas majistret-majistret dan presiden-presiden dalam negara ini. Mahkamah-mahkamah rendah tidak boleh dibawa ke satu keadaan menghadapi merbahaya. Kuasa Peguam Negara atas majistret-majistret dan presiden-presiden secara langsung atau tidak hendaklah dilucutkan. Majistret Encik Zaini Abdul Rahman ada mengemukakan dalam kes itu beliau takut Peguam Negara. Satu manifestasi seperti itu di mana seorang majistret cakap dengan terus terang beliau takut dengan Peguam Negara tidak memuji sistem kehakiman dalam mahkamah-mahkamah rendah.

Tuan Speaker, dalam hukuman bagi kes Pendakwaraya lawan Cheah Yoke Thong, Mahkamah Majistret Seremban kes tangkapan nombor 229 dalam tahun 1980, Encik Zaini menyatakan bahawa, dengan izin, Tuan Speaker: apa yang ada di sini saya katakan, dengan izin,

“Following my disqualification the date before this application was made, I was told that the Attorney-General wanted to transfer me out as a D.P.P. to punish me. I felt threatened because if I am made a D.P.P., it means punishment for what I have decided earlier which - apa yang ada di sini saya quotekan - has shaken the Public Prosecutor's credibility.

I knew what will be in store for me if I am made a D.P.P. I knew for a fact that several judicial officers had been transferred to the Attorney-General's Department and later victimised like being

demoted to a lower scale. This threat compelled me to change my decision. I was frightened. But here I have to tell the truth, so that the authorities may do something to save this appalling situation in which judicial officers entertain the fears I had expressed.

My fear was translated into reality as the day after this decision the Attorney-General sent a third party to see me. The third party conveyed that the Attorney-General was annoyed over my decision. I was made to understand that he wanted to make me a D.P.P. for obvious reasons. I am truly shocked that even in making judicial decisions, I can be threatened and victimised by the Attorney-General. This is clearly wrong and illegal. The general rule is that a court cannot import its personal knowledge to a case before it but in this case the application is against me. I think a distinction can be drawn here as I am part of the system in question, and I feel under the present set-up it is wrong legally and morally for the Attorney-General to have control over the subordinate courts in order to prevent victimisation and harassment of the judicial officers and public confidence from being destroyed.

The Attorney-General should not have any control whatsoever over the subordinate courts. He can influence judgements only in the same way as lawyers representing the ordinary citizens, namely by arguments in open court. He should not use his powers directly or indirectly to threaten of impartiality with victimisation in order to seek convictions. We are already overburdened with work and now there seems to be a trend to appeal every single acquittal even in cases where the evidence is worthless. One can

see this as another form of harassment by the Attorney-General."

Tuan Speaker, saya harap pihak berkuas . . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Tertib mesyuarat nombor berapa, Yang Berhormat?

**Tuan Ismail bin Said:** Peraturan Mesyuarat 36 (8). Izinkan saya baca Tuan Yang di-Pertua: "Kelakuan atau sifat Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu atau Tuan-tuan Yang Terutama, Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri atau Hakim-hakim dan lain-lain orang yang menjalankan keadilan mahkamah atau ahli-ahli Majlis Pasukan Bersenjata atau mana-mana Suruhanjaya Jawatan Kerajaan yang ditubuhkan menurut Bahagian X dalam Perlembagaan atau ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya atau siapa-siapa jua Ketua Negara negeri-negeri yang bersabit dengan Malaysia, tidak boleh disebutkan kecuali dengan dikeluarkan usul bersendirian bagi maksud-maksud itu".

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, masalah di hadapan kita ialah masalah Akta Perbekalan Tambahan. Jika sekiranya Wakil dari Jelutong ingin membawa kes-kes atau perkara-perkara yang disebutkan beliau tadi beliau terpaksa mematuhi Peraturan Mesyuarat 36(8) ini iaitu terpaksa mengeluarkan usul bersendirian. Saya harap dapat petua daripada Tuan yang di-Pertua.

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Speaker, apa yang saya soal bukan kelakuan-kelakuan Hakim-hakim tetapi kelakuan Peguam Negara.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat boleh duduk.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Ahli dari Kemaman telah membangkitkan Peraturan Mesyuarat nombor 36 iaitu Peraturan Kecil dalam kurungan nombor (8) yang dibangkitkan beliau berkenaan dengan ucapan daripada Ahli Yang Berhormat dari Jelutong yang dikatakan beliau menyentuh ataupun menyalahi Peraturan Mesyuarat tersebut.

Pada pendapat saya dan saya memutuskan setakat ini apa yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong tidak menyentuh ataupun tidak bertentangan dengan Peraturan Mesyuarat ini, setakat ini. Sila teruskan Yang Berhormat dari Jelutong.

**Tuan Karpal Singh:** Terima kasih, Tuan Speaker. Saya harap pihak berkuasa menyenangkan hati Encik Zaini yang siapa terkeliru dengan perasaan ketakutan. Sepatutnya kita tidak boleh harap mengadakan satu sistem kehakiman rendah yang sentiasa hidup dalam keadaan takut dan kebimbangan. Bukan Encik Zaini yang bekerja dengan pedang sakti Peguam Negara digantung atas kepalanya.

Tuan Speaker, ramai pegawai kehakiman dalam mahkamah-mahkamah rendah telah keluar dari perkhidmatan itu dan ramai juga menyatakan mereka keluar dengan sebab takut Peguam Negara. Saya merayu Perdana Menteri mengasingkan pegawai kehakiman dalam mahkamah-mahkamah rendah dari kawalan dalam tangan Peguam Negara bagi hal-hal pentadbiran juga. Semua pegawai hendaklah diletak di dalam kawalan Ketua Hakim dengan sebab beliau ialah ketua bagi pegawai-pegawai kehakiman dalam negara ini.

Tuan Speaker, saya juga menyeru Kerajaan menimbang dengan serius perkara mengasingkan Perkhidmatan

Kehakiman dan Undang-undang seperti termaktub dalam Perkara 138 Perlembagaan Persekutuan dan juga menentukan Peguam Negara sebagai Ahli Suruhanjaya itu. Kontroversi am atas perkara pengaruh Peguam Negara atas pegawai kehakiman rendah boleh diselesaikan dengan mudah dengan adakan satu Suruhanjaya Kehakiman dan satu Suruhanjaya Undang-undang dengan adakan Peguam Negara duduk dalam Suruhanjaya Undang-undang juga. Kerapkali ada dikatakan keadilan bukan sahaja hendak diturunkan tetapi hendak juga nampak diturunkan. Untuk mencapai idealisme itu Presiden-presiden dan Majistret-majistret hendak diberi peluang menjalankan tugas-tugas mereka tanpa diugut oleh sesiapa termasuk Peguam Negara. Kepentingan orang ramai minta itu, Tuan Speaker.

Dalam satu jawapan Bertulis bagi satu soalan saya dalam Dewan Rakyat pada 13hb lepas ini sebagai response bagi soalan saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyatakan dalam jawapannya, bahawa tidak ada satu tarikh tertentu bagi menggalakkan Bahasa Malaysia sebagai bahasa mahkamah dalam semua mahkamah di seluruh negara. Tetapi langkah yang positif telah diambil untuk meluaskan kegunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa mahkamah. Antara lain Kerajaan telah menubuhkan satu Biro Terjemahan dalam Jabatan Kehakiman untuk antara lain tugas menterjemahkan alasan-alasan dalam Bahasa Malaysia. Tuan Speaker, apa yang penting dalam analisa yang terakhir ialah keadilan diturunkan, diberikan walaupun sentimen nasionalisme hendakkan Bahasa Malaysia digunakan terus-menerus dalam mahkamah-mahkamah tetapi tidak dibuat dengan mengurangkan taraf keadilan. Walaupun pelampau-pelampau dalam UMNO akan minta, Kerajaan tidak boleh menjadi mangsa

mereka. Bahasa Malaysia ada beberapa sekatan khususnya dalam pentadbiran keadilan dalam negara ini.

Asas sistem kehakiman kita ialah asas sistem undang-undang Inggeris. Hakim-hakim dalam negara ini sentiasa menggunakan precedent dari, dengan izin, English Case Law. Laporan-laporan kes dari English Law tidak dapat diterjemahkan dengan tepat dalam Bahasa Malaysia. Tuan Speaker, seperti saya ada katakan kerap kali jika negara India sungguhpun sudah merdeka semenjak tahun 1947 dan walaupun ia mempunyai masyarakat majmuk, berjenis agama, termasuk Muslimin menggunakan bahasa Inggeris. Apakah sebab kita tidak boleh berbuat demikian?

**Tuan Ismail bin Said:** (*Bangun*).

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat tunggu sebentar. Tertib Mesyuarat.

**Tuan Ismail bin Said:** On a point of order 35 (7), muka surat 40:

Seseorang ahli tidak boleh bercakap berkenaan dengan apa-apa perkara yang ada dalamnya faedah kewangan yang tepat bagi dirinya (selain daripada perkara-perkara gaji menurut apa-apa syarat dalam Perlembagaan), jika tidak diterangkannya sebanyak mana faedah bagi dirinya dalam perkara itu”.

Jadi, apa yang saya fahamkan daripada apa isi ucapan wakil dari Jelutong tadi, seolah-olah ada kepentingan beliau di dalamnya. Jadi, saya minta ruling daripada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Speaker, saya tidak ada pecuniary interest.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat sila duduk dahulu. Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Kemaman telah membangkitkan Peraturan Mesyuarat 35 (7) yang telah dibacakan oleh beliau berkenaan dengan isi ucapan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong. Dalam perkara ini saya berpendapat dan membuat keputusan berdasarkan kepada perkataan-perkataan yang tepat dalam Peraturan Mesyuarat tersebut, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah menghuraikan dari segi pentadbiran sistem kehakiman pada keseluruhannya dan dalam perkara ini tidak mempunyai kepentingan kewangan yang tepat. Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Jelutong teruskan.

**Tuan Karpal Singh:** Terima kasih. Tuan Speaker, kita harus jangan malu menggunakan bahasa Inggeris. Tanpa bahasa Inggeris kita tidak dapat sampai setakat sekarang. Pelajaran bahasa Inggeris telah digalakkan di negeri-negeri komunis seperti negeri China. Janganlah kita menjauhkan diri kita dari dunia antarabangsa yang menjadi lemah.

Tuan Speaker, dalam bulan ini Yang di-Pertuan Agong akan merasmikan mahkamah-mahkamah baharu di Kuala Lumpur. Kita harap pentadbiran ada nampak kecemerlangan seperti rupa pandangan bangunan-bangunan mahkamah baharu ini. Tuan Speaker, boleh juga ini dicapai dengan cara langsung dengan kegunaan bahasa Inggeris dilanjutkan dalam mahkamah-mahkamah. Saya juga dapat peluang menyaksikan peguam-peguam dan majistret-majistret bergusti dengan kegunaan Bahasa Malaysia dalam perbicaraan dalam mahkamah-mahkamah. Ini adalah keadaan yang meragukan hati dan penuh dengan bahaya. Banyak perkataan-perkataan guaman tidak ada perkataan-perkataan yang sama

dalam Bahasa Malaysia, tidak berfaedah merusakkan kata-kata ini untuk memuaskan hati pelampau-pelampau UMNO dan lain-lain dalam negara ini.

Tuan Speaker, dalam golongan orang ramai terdapat keadaan kerusingan atas perkara-perkara pengampunan Datuk Mokhtar Hashim.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Sabar Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat dari Kemaman minta penjelasan.

**Tuan Ismail bin Said:** Dalam ucapan wakil Jelutong sepanjang ucapan beliau tadi saya telah dengar beberapa kali perkataan "pelampau-pelampau UMNO". Saya minta penjelasan apakah dimaksudkan oleh beliau dengan "pelampau-pelampau UMNO" itu?

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Sila Yang Berhormat dari Jelutong.

**Tuan Karpal Singh:** Ada banyak pelampau-pelampau UMNO di sini sekarang, Tuan Speaker (*Ketawa*). Saya tidak payah beri contoh atau apa-apa yang lain, saya teruskan.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat, saya rasa penjelasan Yang Berhormat di bawah Peraturan Mesyuarat boleh menimbulkan sangkaan jahat.

**Tuan Karpal Singh:** Tidak ada sangkaan jahat. Apa yang saya cakapkan ini ialah fact. Ada banyak pelampau-pelampau di sini pun ada yang bercakap baharu-baharu ini.

**Dato Musa Hitam:** (Bangun).

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat minta duduk dahulu.

**Dato Musa Hitam:** Saya minta penjelasan satu perkara sahaja apabila ahli Yang Berhormat menunjukkan banyak pelampau-pelampau, adakah dia menganggap saya di sini sebagai seorang pelampau dalam UMNO?

**Tuan Karpal Singh:** "If the hat fits, wear it" and I think it fits.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Kalau banyak pelampau tidak apa tetapi kalau banyak pengkhianat macam mana, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Karpal Singh:** Pengkhianat di sini, sekarang ada . . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat, sila arahkan ucapan kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Karpal Singh:** Saya tahu siapa pengkhianat di sini, tidak payah berhenti untuk tunjuk kepada orang ramai di sini.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Saya tahu siapa pengkhianat.

**Tuan Karpal Singh:** Ya, Tuan Speaker, saya teruskan.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Sila teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Karpal Singh:** Apa yang saya katakan tadi sebelum kena ganggu, dalam golongan orang ramai, Tuan Speaker, terdapat keadaan kerusingan atas perkara pengampunan Datuk Mokhtar Hashim, bekas Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan atas perkara pembunuhan Allahyarham Datuk Taha, bekas Speaker Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan di mana Datuk Mokhtar Hashim diampunkan dengan diringankan hukuman penjara seumur hidup oleh Lembaga Pengampunan. Tuan Speaker, hukuman mati telah

dihapuskan dalam beberapa buah negara yang sedang membangun dan Datuk Mokhtar Hashim diselamatkan dari hukuman mati hendaklah dialu-alukan. Tetapi terdapatnya ramai yang dikenakan hukuman mati dengan sebab hanya mempunyai senjata tanpa membuat satu perkara keganasan tetapi tidak diampunkan oleh Lembaga Pengampunan. Ada juga kes dalam mana orang yang dituduh itu dikenakan hukuman mati dengan sebab hanya memegang satu "magazine pistol .32" dan sebutir peluru .32.

Tuan Speaker, inilah dengan izin, facts dalam kes Lim Tuan Yap berumur 22 tahun dan beliau dikenakan hukuman mati pada 10 haribulan . . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat, saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat mempunyai faedah kewangan yang tepat dalam kes yang tersebut?

**Tuan Karpal Singh:** Saya ada pecuniary interest dalam kes itu.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Bolehkah Yang Berhormat maklumkan kepada Majlis?

**Tuan Karpal Singh:** Walaupun saya ada pecuniary interest, Tuan Speaker, di dalam peruntukan yang ada dalam Peraturan Mesyuarat saya boleh membangkitkan perkara itu. Apa yang perlu ialah saya kena beritahu kepada Dewan saya ada pecuniary interest. Itu sahaja syaratnya.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Sila Yang Berhormat duduk, saya akan huraikan. Peraturan Mesyuarat 35 (7) berbunyi di antara lain—Peraturan Mesyuarat ini dibangkitkan oleh Ahli

Yang Berhormat dari Kemaman tadi, yang berbunyi—

“35. (7) Seseorang ahli tidak boleh bercakap berkenaan dengan apa-apa perkara yang ada dalamnya faedah kewangan yang tepat bagi dirinya (selain daripada perkara-perkara gaji menurut apa-apa syarat dalam Perlembagaan), jika tidak diterangkannya sebanyak mana faedah bagi dirinya dalam perkara itu”.

Yang Berhormat boleh terus sebut tetapi terangkan sebanyak mana faedah kewangan Yang Berhormat dalam perkara ini.

**Tuan Karpal Singh:** Saya jadi peguam dalam kes ini, Tuan Speaker, dan ada pecuniary interest. Itu betul, tetapi mangsa ini sudah digantung, sekarang tidak ada pecuniary interest. Orang ini pun sudah tidak ada dalam dunia ini sekarang. Itulah keadaan perkara ini sekarang. Tuan Speaker, itulah kalau boleh saya teruskan.

Dalam kes ini, Tuan Speaker, facts apa yang saya sebutkan tadi, ini jadi satu kes di Mahkamah Tinggi Muar di mana ada dijatuhkan hukuman gantung pada 10hb September, 1980.

Tuan Speaker, rayuan Pengampunan Lim ditolak oleh Lembaga Pengampunan dan beliau digantung pada 20hb Januari tahun lalu. Tuan Speaker, apabila kes Lim itu dibandingkan dengan kes Datuk Mokhtar Hashim menimbulkan beberapa soalan yang hebat dan mengelirukan kita.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.54 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang Dipertua, kita diminta untuk memperuntukkan sejumlah \$3,678 juta sebagai 4 Anggaran Tambahan untuk tahun 1982 dan 1983. Untuk tahun 1983 jumlah Anggaran Tambahan untuk menguruskan pembangunan ialah hampir \$3,600 juta iaitu 13% daripada anggaran asal di Budget 1983.

Untuk tahun 1982 dan 1983 Kerajaan ada mengatakan bahawa oleh kerana economy recession, perlulah satu kempen berjimat-cermat, mahu mengurangkan semua belanjawan dan kalau itulah sikap dan strategi Budget Kerajaan. Saya rasa tidak patut kita sekarang diminta untuk memperuntukkan anggaran belanja yang begitu besar yang tentulah satu bukti bahawa kempen-kempen untuk mengurangkan belanja Kerajaan telah gagal. Bukan sahaja kempen Kerajaan untuk memotong perbelanjaan Kerajaan sudah gagal, apa yang kita rasa sangat penting dan ambil perhatian yang berat ialah nampaknya Kerajaan Barisan Nasional sekarang sudah menjadi satu Kerajaan yang tidak mahu indah kesusahan-kesusahan orang ramai. Satu Kerajaan yang, dengan izin, less caring, tidak mahu indah penderitaan rakyat. Oleh kerana itu satu bukti ialah apa yang berlaku di Cardiac Unit, University of Malaya bukan untuk berkembang, maju, besarkan Cardiac Unit, untuk maintain Cardiac Unit pun gagal, sekarang mahu ditutup Cardiac Unit di Universiti Hospital dan kita baca dalam suratkhbar ada pesakit-pesakit heart patients meninggal dunia. Itu satu ciri Kerajaan yang baru yang sekarang mahu jalankan dasar yang baru iaitu privatised, mahu mengswastakan haknya termasuk perkhidmatan-perkhidmatan yang sepatutnya menjadi tanggungjawab sebuah

Kerajaan kepada rakyat jelata, jika Kerajaan sekarang tidak kurang mengutip cukai tetapi mahu kurangkan perkhidmatan kepada orang ramai.

Satu dasar baru Kerajaan sekarang ialah mahu membolehkan pihak swasta mengutip tol di semua jalan-jalan Federal, mahu beri kepada pihak swasta untuk membaiki atau up-grade Federal roads, dan membolehkan tol dikutip. Itulah semua ini patutlah keluar daripada cukai-cukai orang ramai dan Kerajaan tidak patut mengelakkan tanggungjawab untuk memberi kemudahan dan perkhidmatan pokok kepada rakyat. Saya rasa ini satu tendency yang sangat tidak sihat, satu tendency yang akan mengorbankan kepentingan orang-orang susah.

Budget merupakan satu alat Kerajaan untuk memajukan ekonomi. Tetapi kalau dalam menguruskan ekonomi kita, keyakinan dan kepercayaan orang ramai; keyakinan dan kepercayaan dunia terhadap negara-kita hilang, saya rasa akhirnya ekonomi kita akan terjejas. Dalam dua tahun ini sudah berlaku dua perkara yang menjadikan Malaysia di mata dunia sangat scandalous dalam bidang ekonomi dan dalam bidang finance. Perkara pertama ialah Skandal Bumiputra Malaysia Finance dan sampai sekarang sungguhpun ada satu siasatan in-house ditubuhkan dalam Bank Bumiputra, tidak boleh mengembalikan keyakinan baikpun orang Malaysia atau dunia terhadap integriti sistem kewangan dan banking di Malaysia.

Perkara kedua ialah krisis sekarang di Kuala Lumpur Commodity Exchange atau Bursar Commodity Kuala Lumpur di KLCCH atau Pusat

Penjelasan Komoditi Kuala Lumpur sehingga berlaku perbuatan mungkir besar-besaran (default) di pasaran dan telah menyebabkan 6 anggota penjelasan telah digantung.

Saya tidak mahu sebut mengenai siapa yang benar atau salah dalam perkara yang melibatkan seorang yang dalam sebulan selepas Januari yang ada menyertai pasaran hadapan minyak sawit mentah. Tetapi dari segi kepentingan ekonomi Malaysia ialah cara KLCE dan KLCCCH dan Commodity Trading Council atau Majlis Dagangan Komoditi menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka, tentulah kalau KLCE, KLCCCH dan CTC ketiga-tiga badan yang begitu penting dan mustahak yang mahu menjadikan Malaysia sebagai Commodity Exchange utama di dunia oleh kerana kita menjadi pengeluar, khasnya minyak sawit yang utama di dunia, menjadi exchange utama, keyakinan, kepercayaan dunia sangat mustahak. Tetapi oleh kerana kelalaian dan kegagalan mereka dalam KLCE, KLCCCH dan mungkin dalam CTC untuk menjalankan tugas mereka, sekarang bukan sahaja di Malaysia tetapi di dunia, Malaysia lagi sekali menjadi satu topik Financial Banking Economic scandal dan tentulah bukan sahaja akan memburukkan imej Malaysia, tetapi mungkin menjejaskan ekonomi kita, khasnya kalau apa yang berlaku krisis di KLCE menunjukkan satu keadaan di mana importer-importer CPD atau minyak sawit mentah oleh kerana harga yang terlalu tinggi oleh kerana spekulasi dan judi, tukaran penggunaan minyak kepada vegetable oil.

India pun telah membuat satu pengumuman oleh kerana harga yang begitu tidak realistik, harga yang begitu tinggi oleh kerana spekulatif akan tukar penggunaan minyak sawit mentah kepada vegetable oil dan siapa akan rugi? Petani-petani, small

holdings, peneroka-peneroka di Felda dan orang-orang kecil. Mereka yang ada wang yang banyak yang boleh speculate dalam Commodity Exchange tidak akan menghadapi kerugian yang besar. Akhirnya, bukan sahaja produser-produser tetapi pengguna-pengguna oleh kerana semacam sekarang harga minyak masak terlampau tinggi, bukan oleh kerana faktor-faktor pengeluaran tetapi oleh kerana apa yang berlaku dalam KLCE.

Saya harap bahawa Kerajaan perlu mengambil pendirian yang tegas, tindakan yang tegas, tidak guna semalam Yang Berhormat Menteri Kewangan apabila menjawab soalan tambahan saya, saya kata bahawa Kerajaan memang sangat mengambil perhatian yang berat atas apa yang berlaku dalam KLCE. Kalau tidak ada tindakan yang cepat, tindakan yang tegas diambil untuk mengembalikan keyakinan dunia kepada KLCE, kepada Malaysia sebenarnya, dan kita ada baca dalam suratkhbar bahawa banyak negara, importer-importer traditional sudah timbul satu soalan besar mengenai integriti mereka yang bertanggungjawab untuk mengurus Commodity Exchange, bukan untuk Malaysia, untuk dunia dan daripada segi ini saya harap bahawa Kabinet—Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada di sini—bolehlah mengambil perhatian, perlu satu tindakan oleh Kabinet, mungkin perkara ini sudah sampai ke satu peringkat di mana CTC pun tidak boleh cukup untuk menghadapi krisis yang kita menghadapi dalam Commodity Exchange khasnya untuk minyak sawit mentah.

Saya harap apa tindakan yang diambil oleh KLCE dan KLCCCH dan Kerajaan patut ambil kiraan bahawa orang-orang innocent tidak menjadi mangsa, tidak akan menghadapi kerugian yang besar oleh kerana kelalaian anggota-anggota dalam

Lembaga KLCE atau KLCCH atau oleh kerana tindakan spekulasi orang-orang yang masuk pasaran hadapan itu. Itu bukan mustahak. Apa yang mustahak ialah kepentingan small investors, kepentingan pengguna, kepentingan pengeluar dan kepentingan imej Malaysia. Saya dapati bahawa satu sebab krisis berlaku ialah oleh kerana mereka yang menjadi anggota dalam KLCE dan KLCCH pun ada terlibat dalam spekulasi-spekulasi. Sebab itu mereka sendiri ada terlibat dalam spekulasi-spekulasi, mereka tidak boleh mengambil tindakan yang tegas supaya kita ada satu pasaran hadapan yang sihat dan stabil dan kalau itu benar, perlulah satu "purge", satu tindakan untuk membersihkan dan sekarangpun ada seruan bahawa anggota-anggota di KLCE dan KLCCH patut semua resign sebagai satu pro-condition, satu pra syarat sebelum keyakinan boleh dikembalikan terhadap Commodity Exchange di Kuala Lumpur.

Apa yang sangat memeranjatkan ialah peranan Bank Bumiputera dalam krisis ini yang kita dapati bahawa di antara perkembangan ialah keang-ganan Bank Bumiputra untuk honour bayaran \$6.1 juta yang sudah dijelaskan (cleared) dalam Bank di mana Bank Bumiputera defaulted. Saya rasa inilah satu perkara yang sangat serius, bukan sahaja oleh kerana latar belakang BMF tetapi kalau satu bank boleh default baikpun untuk satu hari, ini tentulah akan merosakkan keyakinan terhadap banking system. Saya mahu tahu adakah ini benar? Kenapa Bank Bumiputra default membayar \$6 juta sungguhpun untuk satu hari.

Saya berharap sungguhpun kita baca dalam suratkhbar bahawa CTC selepas mesyuarat telah menubuhkan satu badan siasatan, mengenai krisis yang kita hadapi sekarang, saya rasa satu siasatan yang lebih terbuka, yang

lebih mendalam diadakan supaya integriti dan imej ekonomi Malaysia boleh dijaga.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

*5.10 ptg.*

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun ingin menyokong satu Akta menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi khidmat tahun 1982 dan 1983 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud tertentu.

Adalah amat dukacita kalau sekiranya terdapat perbekalan tambahan seperti ini ada orang menyatakan bahawa Kerajaan ini gagal menjalankan perbelanjaan kerana yang kita belanja ini bukan duit bapa kita, kalau duit bapa kita sendiri mungkin kita boleh ambil di sana, bubuh di sini; tidak cukup di sini kita ambil di sana. Tetapi kalau kita baca di dalam penyata ini bahawa peruntukan tambahan ini adalah kerana tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya.

Jadi bukan erti peruntukan tambahan ini akan melebihi daripada peruntukan yang telah pun kita luluskan pada tahun-tahun yang lepas dan peruntukan ini juga adalah kita lakukan berdasarkan daripada butir-butir yang tertentu sebagaimana yang kita bentangkan di dalam Jadual Kedua, Seksyen 3 yang ada di dalam peruntukan yang kita bincangkan hari ini. Jadi kalau orang tidak tahu prosedur kewangan hanya menuduh membuta tuli pihak Kerajaan seolah-olah perbelanjaan Kerajaan ini dilakukan dengan sewenang-wenangnya seperti kita belanjakan duit bapa kita.

Sebenarnya kalau duit bapa kita senang, kalau tidak cukup hendak beli ikan kita boleh ambil duit beras; kalau kita tidak cukup hendak beli beras kita boleh ambil duit sayur tanpa ada kelulusan apa-apa. Tetapi ini duit rakyat, duit Disatukan; jadi kita terpaksa kalau tidak ada butiran kita kena ada butiran. Tetapi kita terpaksa belanja. Misalnya sekarang kita hendak memenuhi, kita hendak mewujudkan semula misal katalah Unit Khas Penyakit Jantung di Universiti Hospital. Mungkin peruntukan kita perlu peruntukan tambahan bagi mengadakan butiran yang tidak ada sebelumnya. Jadi perkara ini tidak semestinya kita ini membelanjakan lebih daripada apa yang diperuntukkan itu.

Tetapi yang kita belanjakan dalam butir ini lebih. Tetapi dalam butiran lain mungkin kurang. Jadi prosedur kewangan mesti mengikut begitu bukan secara total. Kalau duit bapa kita senang kita kira. Misal kita kata kalau duit bapa kita gaji \$300, kalau belanja \$400 maknanya lebih \$100 belanja ini bapa tidak pandai belanja. Tetapi ini bukan begitu. Tetapi kalau kita tidak tahu prosedur kewangan, menuduh Kerajaan gagal adalah merupakan orang yang tidak tahu dari segi prosedur kewangan kerana mereka itu tidak mahir dalam masalah kewangan, janganlah membuta tuli menuduh pihak yang tertentu, pihak kerajaan membuat sesuatu yang tidak baik bagi menentukan peruntukan bagi sebuah negara.

Saya juga hendak memohon pihak berkuasa terutama pihak Kementerian Pelajaran dan juga pihak Kementerian Kesihatan untuk mewujudkan semula Unit Khas Penyakit Jantung sebagaimana yang kita ketahui telah pun ditutup pada hari ini. Jadi walaupun ini memerlukan peruntukan tambahan pada masa yang akan datang, demi untuk menjaga nama baik negara kita dan juga Kementerian

yang ada maka Unit ini sepatutnya diwujudkan semula. Kerana kita tahu bahawa kepakaran-kepakaran doktor-doktor yang ada di dalam negara kita berkemampuan untuk melakukan perkara ini. Cuma di saat-saat akhir ini berlaku kekurangan dan ketiadaan doktor. Ini ada sesuatu sebab, sesuatu perkara yang tidak diingini berlaku di sini. Kemungkinan ketidakpuasan hati pihak yang tertentu atau sesuatu perkara yang patut kita fikirkan supaya perkara ini dapat diselesaikan dan jika perlu penyiasaan yang diarahkan oleh Menteri Pelajaran itu hendaklah disegerakan ataupun jika perlu pihak Kementerian sendiri akan membuat penyiasaan supaya perkara ini dapat diatasi dan diwujudkan semula kerana kita. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Tertib Mesyuarat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, 36; bahawa apa dia cakap tidak relevant. Oleh kerana apabila saya sebut Unit Cardiac dia cakap saya tidak tahu financial procedure, ertinya tidak relevant. Kalau itu tidak relevant, apa dia cakap semua tidak relevant. Dia sendiri tidak tahu financial procedure.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan Peraturan Mesyuarat walaupun tidak menyebut yang mana. Pada pendapat saya, relevancy disebutkan. Saya benarkan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka berucap berkenaan dengan perkara yang tersebut, maka relevant jugalah Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh. Sila teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya dapati itu tidak relevant, dia patut patuh kepada pendapat

sendiri dan bukan jadi double tongue atau dua lidah.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, duduk. Saya ingin mengingatkan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka supaya bercakap selepas saya memberi izin. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh teruskan.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, jadi benarlah dakwaan saya bahawa orang yang saya katakan itu tidak tahu prosedur kewangan. Kalau dia tahu dia tidak marah. Jadi kerana dia marah itulah kemungkinan benar kata-kata saya. Jadi terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Sebanarnya saya bercakap ini di dalam bahagian peruntukan iaitu di dalam bahagian pelajaran yang ada berkaitan dengan perbekalan ini. Cuma saya minta supaya pihak Kementerian menubuhkan semula Unit Khas Penyakit Jantung dan ini adalah merupakan sesuatu perkara yang patut kita megah dan patut kita ambil supaya tidak terjejas dengan keadaan yang berjalan sekarang ini. Kalau berlaku kekurangan doktor maka kekurangan ini ada sesuatu sebabnya, kemungkinan tidak ada satu perancangan untuk latihan, tidak ada satu perancangan untuk tambahan kemasukan doktor-doktor daripada luar. Jadi ini pihak yang bertanggungjawab seharusnya mengambil perhatian misalnya kalau kita perlu kepakaran, ataupun kita perlu doktor sebagai tambahan maka sebagaimana yang telah dijalankan dan yang pernah diambil pinjaman daripada negara-negara lain maka itu juga perlu kita lakukan. Kalau sekiranya kita kekurangan kepakaran di dalam bahagian penyakit jantung

ataupun di dalam bahagian penyakit yang berkehendakkan kepakaran bagi memenuhi keperluan dan kehendak-kehendak rakyat di negara ini. Kerana kita tahu bahawa masalah penyakit ini merupakan tidak sahaja kepada penyakit bagi orang-orang kaya tetapi juga banyak terlibat kepada orang-orang yang miskin yang memerlukan perubatan, yang memerlukan pemulihan, yang memerlukan pembedahan. Semuanya ini adalah merupakan sesuatu yang boleh menyusahkan rakyat golongan miskin yang memerlukan pemulihan dan pembedahan sebagaimana yang diharapkan oleh mereka yang menerima akibat daripada penyakit ini.

Jadi tindakan yang tegas daripada Kerajaan sama ada penyelewengan, sama ada ketidak benaran yang berlaku di Unit Khas ini patut juga diambil kira bagi menentukan bahawa dasar yang dijalankan oleh Kerajaan sekarang ini adalah tidak lari daripada peraturan yang telah ditentukan kerana banyak di antara doktor-doktor yang menyebabkan kekurangan ini kerana mereka ini lari meninggalkan perkhidmatan ini kerana lebih mementingkan kemungkinan, mementingkan persendirian ataupun mementingkan kewangan yang akan didapati daripada perkhidmatan swasta ataupun banyak lagi perkara-perkara yang sepatutnya tidak dilakukan dari segi kemanusiaan. Dan begitu juga bagi pihak Kerajaan tidak akan membisu dari segi segala masalah yang timbul oleh pihak Universiti ataupun pihak Unit Khas Penyakit Jantung ini ataupun pihak Universiti Hospital bagi menentukan segala kekurangan yang dikehendaki itu dapat dipertimbangkan.

Saya juga suka menyebut dari segi keadilan, kadang-kadang dia bercakap keadilan ini tergantung kepada bahasa, katanya keadilan tidak akan wujud, tidak akan berlaku dengan

baik kalau menggunakan Bahasa Kebangsaan. Jadi kalau beginilah pemikiran yang diberi oleh seorang peguam atau sesiapa sahaja, maka pendapatnya itu adalah pendapat yang songsang sedikit, pendapat yang serong kerana keadilan bukan terletak kepada bahasa dan keadilan juga bukan terletak kepada buku yang kita baca, buku adalah untuk kita rujuk, tetapi keadilan terletak kepada kebijaksanaan hakim itu menjatuhkan hukuman, sama ada dia menggunakan Bahasa Malaysia, bahasa China, bahasa Arab, bahasa Tamil, tetapi yang penting adalah kebijaksanaan hakim itu menjatuhkan hukuman bagi sesuatu yang menentukan dan berkehendakkan keadilan.

Kalau ada orang menganggap rasa malu menggunakan Bahasa Kebangsaan di dalam mahkamah atau dalam kehakiman dalam negara ini dan menyentuh jangan malu kalau kita menggunakan bahasa Inggeris, jadi orang ini adalah merupakan satu racun di dalam masyarakat kita, yang cuba hendak memutarbelitkan dasar dan juga kehendak Kerajaan di dalam menentukan keadilan di dalam negara ini dan juga menentukan pelaksanaan penggunaan bahasa di mahkamah. Sebagaimana yang pernah diberitahu oleh pihak kehakiman bahawa terjemahan-terjemahan telahpun diadakan bagi membolehkan orang yang pintar berbahasa Inggeris, tetapi tidak tahu Bahasa Kebangsaan untuk membuat keputusan di dalam Bahasa Kebangsaan. Tidak salah bagi kita, bagi seorang hakim yang tidak begitu mahir berbahasa Kebangsaan menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa rujukan dan kalau inilah dipersoalkan oleh pihak yang hendak meracuni masyarakat kita sekarang ini, maka pandangan yang diberi oleh mereka itu adalah sudah tidak wajar sekali. Dan bagi saya adalah amat malu kalau kita mengakui bahawa Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa

negara kita adalah amat malu bagi kita kalau kita menganggap bahasa yang kita guna itu tidak boleh menghasilkan keadilan, tetapi sebaliknya menganggap bahasa Inggeris sahajalah yang boleh memberi keadilan. Bermakna kalau kita membicarakan dalam bahasa India, dalam bahasa Sikh, dalam bahasa apa sekalipun mungkin tidak akan menjadi satu keadilan . . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Tidak ada bahasa Sikh Yang Berhormat.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Tidak ada.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Bahasa Punjabi.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Bahasa Punjabi, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun tidak tahu banyak bahasa, dalam bahasa Punjabi ataupun dalam bahasa Tamil, dalam bahasa China, misal kata tidak adil, adalah amat hina bagi orang yang berbangsa dengan bahasanya sendiri yang sepatutnya dia menjunjung tinggi bahasa ibundanya dan orang yang tidak mengakui bahasanya sebagai satu bahasa yang mulia sudah tentulah orang itu amat hina di dalam pandangan masyarakat kita hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkara ini, di dalam perkara memperjuangkan bahasa ini, kalau kita terdapat pelampau, tidak apa kerana mereka ini pelampau yang memperjuangkan bahasa, tetapi kita tidak mahu adanya pengkhianat-pengkhianat yang suka untuk meracuni fikiran rakyat, yang suka hendak memutarbelitkan kenyataan dan juga mahu membuat sesuatu dengan niat yang tidak baik dan juga bercakap sesuatu itu untuk mementingkan diri dan memutarbelitkan kenyataan bagi

kepentingan diri mereka dan juga bagi kepentingan politik mereka. Jadi kalau sekiranya adanya pelampau untuk memperjuangkan sesuatu sama ada pelampau UMNO atau pelampau mana sekalipun, ini adalah baik, tetapi yang kita tidak mahu dalam masyarakat kita adanya racun-racun, duri-duri yang mengkhianat sesuatu matlamat dan tujuan baik yang dibuat oleh sesuatu pihak itu, adalah amat tidak harus wujud di dalam masyarakat dan tidak seharusnya dibiarkan berkeliaran di dalam negara kita hari ini. Jadi dengan itu saya rasa pengkhianat-pengkhianat ini seharusnya dihancurkan dan jika terdapat daripada mana-mana pihak yang suka hendak mengkhianat kepada matlamat dan hasrat Kerajaan ini, maka saya rasa bagi kita tidak malu-malu untuk berjuang, terutama pelampau-pelampau UMNO yang ditubuhkan tadi untuk menghancurkan pengkhianat-pengkhianat yang tidak diinginkan itu. Jadi dengan itu segala peruntukan yang diberi di dalam tambahan ini, saya memberi sokongan dan juga bagi mereka yang tidak memahami prosedur kewangan supaya dapat memahami sebenarnya supaya tambahan yang kita lakukan ini tidak akan menjejaskan pembangunan dan pentadbiran negara yang tidak ada butir-butir yang disebut di dalam bekalannya yang lepas ataupun jika disebutpun tidak mencukupi bagi keperluan dan kemudahan negara yang kita perlukan demi untuk kepentingan rakyat. Dengan itu saya menyokong.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

5.27 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencatatkan satu dua perkara. Yang pertama, walaupun tidak di dalam perbekalan ini, perkara kekurangan

doktor pakar sama ada di dalam Hospital Universiti atau di Hospital Besar yang lain, yang telahpun disebutkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh, Kelantan.

Pada pendapat saya kekurangan doktor pakar termasuk doktor pakar . . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Sekurang-kurangnya saya minta Yang Berhormat sebutkan kepala peruntukan yang mana yang . . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** Jadi, Tuan yang di-Pertua, kerana Yang Berhormat dari Pasir Puteh dibenarkan menyebutkan perkara ini, saya hendak menambahkan . . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat sila duduk, Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah membincangkan satu perkara di bawah bidang tanggungjawab Kementerian Pelajaran.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab Kementerian Pelajaran boleh juga. (*Ketawa*).

Maksud B. 27 — Kementerian Pelajaran yang bertanggungjawab ke atas Hospital Universiti itu. Pada minggu yang lepas saya mencadangkan satu Suruhanjaya Kesihatan di-Raja diadakan untuk menyiasat dengan teliti, apakah masalah-masalah yang pokok yang sedang kita menghadapi, tetapi malangnya Kementerian yang berkenaan tidak setuju mereka menganggap kemampuannya untuk menyelesaikan masalah-masalah ini, tetapi nampak dengan jelas pada tempoh hari di banyak tempat termasuk Hospital Universiti mereka tidak mampu. Masalah-masalah ini timbul semenjak beberapa tahun dahulu, cuma di saat ini mencapai satu kemuncak dan kalau tidak ada Suruhanjaya siasatan yang boleh

meneliti dan mendalami masalah-masalah ini, maka kesusahan yang dialami oleh rakyat jelata akan berterusan, kerana itu saya sekali lagi menyeru Kementerian yang berkenaan menubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan di-Raja untuk meneliti masalah-masalah kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya kembali kepada apa yang dikatakan di dalam Perbekalan sekarang. Di dalam bidang pelajaran, sebagai satu langkah jangka panjang sistem pelajaran kita mesti menentukan bahawa penganugerahan biasiswa-biasiswa adalah kedua-dua adil dan menampung keperluan di bidang-bidang yang diperlukan. Satu kajian tempatan yang dijalankan telah membuktikan bahawa agihan biasiswa-biasiswa di negara ini sekarang adalah mundur kerana ia masih menguntungkan golongan-golongan yang berpendapatan sederhana serta tinggi dari semua kaum. Rumahtangga-rumahtangga yang berpendapatan rendah daripada \$300 dan merupakan 49.4% daripada bilangan penduduk di negara ini hanya mempunyai 12.3% daripada biasiswa-biasiswa berbanding dengan 10% penduduk terkaya yang memperolehi 25.5% daripada biasiswa-biasiswa ini. Lebih-lebih lagi bagi setiap peluang seorang Melayu yang miskin memperolehi biasiswa wujud 21 peluang bagi pelajar-pelajar Melayu yang kaya memperolehinya berikutan dengan 13 serta 10 peluang masing-masing bagi pelajar-pelajar Cina dan India yang kaya.

Dari segi agihan menurut bidang pula, telah didapati bahawa 29.7% daripada biasiswa-biasiswa yang dianugerahkan adalah di bidang sastera dan kemanusiaan, 32.9% dalam sains am dan 14% di dalam ekonomi, walhal pelan induk pembangunan tenaga kerja menganggarkan kekurangan tenaga kerja, khususnya di bidang-bidang profesional, seperti pengurusan dan

ahli-ahli teknik. Ketidakseimbangan-ketidakseimbangan ini mesti diatasi sebelum kekurangan pakar-pakar mula menjejaskan pembangunan sektor-sektor tertentu dan menguntungkan sektor-sektor lain yang tidak memerlukannya, seperti perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, di antara matlamat-matlamat jangka panjang, sistem pendidikan negara kita adalah memupuk perpaduan negara dan meninggikan penglibatan semua rakyat Malaysia di dalam pembangunan negara, akan tetapi setakat ini polarisasi kaum di kalangan murid adalah ketara dan merupakan satu masalah yang kian menjadi serius. Adalah menjadi hakikat bahawa generasi-generasi yang akan datang akan mewarisi satu sistem pendidikan yang mementingkan perkauman dan penuh ketidakpuasan kerana cara-cara menyusun semula masyarakat dari segi pendidikan adalah berdasarkan kaum, bukan petunjuk-petunjuk sosio-ekonomi. Jika penganugerahan biasiswa misalnya adalah berdasarkan tempat asal, seperti kawasan luar bandar dan berdasarkan kepada kemampuan dan pendapatannya, seperti di kampung atau estet, ketidakpuasan ini tidak akan wujud.

Kini dengan terjejasnya kelas-kelas bahasa ibunda dan kepunyaan kebanyakan murid-murid miskin masih tidak mempunyai peluang yang sejajar dengan hak-hak mereka. Maka saya berharap pihak Kementerian Pelajaran akan menelitikan masalah ini supaya hal seperti pengagihan biasiswa diberi kepada orang-orang yang benar-benar memerlukannya. Misal kata kalau hendak berikan kepada 21 orang miskin orang Melayu itu baik dan berbanding cuma 1 ataupun 2 sahaja diberikan kepada orang yang kaya—kalau sebalik, seperti yang saya sebutkan tadi—ini adil.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dasar Ekonomi Baru ia telah menetapkan pertumbuhan sektor pembuatan sekurang-kurangnya 13% setahun, tetapi mengikut kadar yang saya dapati pada tahun yang lepas hanya 7.4% telah dicapai pada tahun yang lepas. Satu laporan Bank Dunia telah mengatakan bahawa sektor pembuatan akan menjadi sektor utama pada masa hadapan. Pertumbuhan pesat sektor pembuatan akan menjadi lebih perlu bagi prestasi ekonomi yang berjaya pada masa depan. Keperluan ini berpunca dari kepentingan daya pengeluaran, pendapatan sebenar, pekerjaan dan penyusunan semula masyarakat. Oleh sebab kejatuhan dalam pelaburan sektor ini dalam tahun-tahun 1975 dan 1976, ekonomi tidak dapat bertumbuh dengan pesatnya. Sejumlah pelaburan yang banyak telah disuntik daripada Kerajaan ke dalam sektor ini untuk mengelakkan kejatuhan kadar pertumbuhan sektor ini, tetapi pada tahun yang lepas ini tidak dapat dibuat oleh Kerajaan kerana kekurangan wang.

Sekiranya kita meneliti perkembangan industri pembuatan di Malaysia, kita akan mendapati bahawa beberapa unsur yang kurang memuaskan. Tuan Yang di-Pertua, kebijakan pekerja-pekerja adalah antara bidang yang mesti diberi perhatian. Adalah diketahui bahawa banyak syarikat Jepun menubuhkan kilang-kilang di negara ini untuk mengelakkan komitmen-komitmen, seperti pekerjaan seumur hidup dan gaji yang tinggi. Lagu-lagu syarikat dan baju-baju seragam sahajalah merupakan unsur-unsur Jepun yang diperkenalkan walaupun syarikat-syarikat pembuatan ini membayar pendapatan yang tinggi berbanding dengan sektor-sektor lain seperti pertanian, kebimbangan dibuang kerja adalah kekhawatiran kebanyakan pekerja-pekerja kilang.

Misalnya dalam satu penyelidikan pada tahun 1981, 62% pekerja-pekerja kilang elektronik telah menyuarakan kebimbangan dibuang kerja sebagai kekhawatiran utama mereka. Pemindahan teknologi dari luar negeri mesti dijamin, malah dalam kebanyakan kes, teknologi tidak diberikan langsung. Kajian oleh MIDA (Malaysian Industrial Development Authority) mendapati hanya 7% daripada bahan-bahan keluaran elektronik terdiri daripada sumber-sumber tempatan. Daripada \$3.1 ribu juta barangan yang telah dieksport pada tahun 1982, hampir \$2.5 ribu juta bahan-bahan elektronik telah diimport dalam tahun yang sama, iaitu 80% jumlah nilai barangan dieksport. Sebaliknya, Kerajaan mesti menjamin syarat-syarat tertentu bila menggalakkan syarikat-syarikat asing berniaga di sini, misalnya melatih pekerja-pekerja tempatan, penubuhan Jabatan Penyelidikan dan Perkembangan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti juga yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya sebutkan di sini mengenai krisis di dalam Pasaran Komoditi Kuala Lumpur yang merebak sekarang, ia akan menghakiskan keyakinan peniaga-peniaga dalam badan dan akan mempengaruhi perdagangan barang-barang lain pada masa depan. Krisis ini telah berlaku apabila 5 buah syarikat telah mungkir perjanjian perniagaan mereka bagi minyak kelapa sawit yang bernilai hampir \$162 juta yang dipercayai meliputi 5 bulan.

Dengan berlakunya krisis pasaran komoditi kelapa sawit bersama-sama dengan skandal BMF ini akan menghakiskan keyakinan negara-negara asing dan orang-orang tempatan untuk melabur di negara ini.

Sektor pembuatan yang merupakan sektor yang terpenting bagi pertumbuhan ekonomi negara amat memerlukan pelaburan yang banyak. Oleh itu penghakisan keyakinan itu di dalam institusi-institusi kewangan dan perdagangan negara oleh negara-negara asing dan orang-orang tempatan akan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negara ini. Dengan itu saya mendesak Kerajaan supaya menubuhkan suatu pasukan penyiasat yang bebas untuk mendalami krisis ini sebelum ia merebak kepada barangan yang lain seperti getah dan bijih timah.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang membelanjakan wang yang begitu banyak kepada Kementerian Kewangan, Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun dan Perkhidmatan Am Perbendaharaan. Kedua-duanya memakan belanja \$2,622,649,400. Ini wang yang dipinta yang terbesar jumlahnya.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan wang ini ialah untuk mencapai matlamat-matlamat yang ditetapkan oleh Dasar Ekonomi Baru iaitu pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Matlamat untuk pembasmian kemiskinan adalah menambahkan kadar pendapatan dan meningkatkan peluang-peluang pekerjaan dan untuk penyusunan semula masyarakat ialah mengurangkan dan menghapuskan pengenalan kaum dengan fungsi ekonomi melalui usaha untuk mengurangkan ketidak seimbangan di dalam pendapatan, pekerjaan dan pemilikan serta pengurusan harta produktif di dalam ekonomi.

Untuk menyusun semula masyarakat Rancangan Malaysia Kedua telah menetapkan bahawa pada tahun 1990 orang-orang Bumiputera akan memiliki dan menguruskan

sekurang-kurangnya 30% kegiatan perdagangan dan perindustrian di dalam semua kategori dan operasi.

Pada awal Rancangan Malaysia Keempat, orang Melayu sebagai individu-individu dan agensi-agensi dilaporkan memiliki 12.4% ekuiti dalam sektor syarikat berbanding dengan 4.3% pada tahun 1971. Akan tetapi kita tidak mengetahui pertambahan ini dilakukan sama ada di peringkat agensi-agensi, Bumiputera yang diamanahkan ataupun di peringkat individu. Angka-angka tidak jelas. Pada tahun 1981, Skim Amanah Nasional telah dilancarkan oleh Kerajaan sebagai satu jentera utama untuk memindahkan pemilikan saham-saham syarikat-syarikat yang dipegang oleh Kerajaan dan agensi-agensi itu bagi pihak Bumiputera yang diagihkan kepada individu-individu. Dan dengan ini Amanah Saham Nasional ialah bermakna untuk melaksanakan penyusunan semula masyarakat yang ditetapkan oleh Dasar Ekonomi Baru dan saya mengulangi pada tahun 1990, orang-orang Bumiputera akan memiliki dan menguruskan sekurang-kurangnya 30% kegiatan perdagangan dan perindustrian di dalam semua kategori dan operasi.

Satu Yayasan Pelaburan Bumiputera yang telah diadakan pada tahun 1978 di bawah Akta Syarikat-syarikat tahun 1965 sebagai syarikat berhad dan ia memainkan fungsi dan tugas untuk merumuskan dasar-dasar dan panduan-panduan bagi ekuiti pelaburan Bumiputera. Tambahan pula ia diamanahkan dengan tanggungjawab untuk menggalakkan perkembangan usaha usahawan dan kebolehan pelaburan di kalangan Bumiputera. Yayasan ini ialah seperti yang dicatatkan di dalam Rang Undang-undang Perbekalan ini akan menerima dan menguruskan tabung-tabung yang diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini.

Di sinilah saya hendak menekankan bahawa wang-wang yang terlibat di Yayasan Pelaburan Bumiputera serta Amanah Saham Nasional, pengurusan serta accountability, tanggungjawab awam mestilah diadakan supaya kita boleh mengelakkan berlakunya seperti skandal BMF di Hong Kong kerana wang yang saya sebutkan tadi dibekalkan melalui Rang Undang-undang ini ialah telah disalahgunakan di Hong Kong dengan berlakunya skandal BMF.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

Akhirnya saya berharap untuk mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru, penyelewengan-penyelewengan dan skandal-skandal dan saya seperti mana yang berlaku tidak akan, saya berharap tidak akan berlaku lagi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap lagi, saya mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.48 ptg.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam membincangkan Rang Undang-undang ini dan terutama sekali terima kasih saya kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuching, walaupun seorang Pembangkang tetapi dengan lantang menyatakan sokongannya terhadap rancangan-rancangan yang telah dibuat oleh Kerajaan.

Saya tidak berhajat untuk memberi jawapan-jawapan satu persatu, terhadap hujah-hujah yang telah diberikan oleh kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi apabila perlu nanti di dalam Jawatankuasa bolehlah

perkara-perkara yang dibangkitkan nanti diberi jawapan yang sewajarnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$934,771,605 diperuntukkan daripada Kumpulanwang—

- (1) bagi tahun kewangan 1982, untuk menampung sejumlah \$250 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat 1982 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7 tahun 1984 dan yang disenaraikan di sebelah

Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas; dan

- (2) bagi tahun kewangan 1983, untuk menampung sejumlah \$934,771,355 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1983 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 1984 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas.

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa*

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

5.52 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik):** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada \$8,170,000 yang diperuntukkan dalam Anggaran Belanja Mengurus (Tambahan Keempat), 1982 bagi maksud Bekalan B. 31 dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$2,735,371,560 yang diperuntukkan dalam Anggaran Belanja Mengurus (Tambahan Pertama), 1983 bagi Maksud-maksud Bekalan B. 1, B. 2, B. 7, B. 21, B. 27, B. 28, B. 30, B. 31, B. 36, B. 37, B. 40, B. 45, B. 46, B. 56, B. 57, B. 60 dan B. 63 untuk Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual; dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$250 yang diperuntukkan dalam Anggaran Pembangunan (Tambahan Keempat), 1982 bagi maksud-maksud

Pembangunan P. 7, P. 21, P. 24, P. 25, P. 30, P. 32, P. 41, P. 46, P. 48, P. 52, P. 56, P. 62 hingga P. 64 untuk Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah No. 7, 1984 dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$934,711,355 yang diperuntukkan dalam Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bilangan 1) Tahun 1983 bagi Maksud-maksud Pembangunan P. 7, P. 9, P. 15, P. 17, P. 19, P. 20, P. 27 hingga P. 29, P. 32, P. 34, P. 36 hingga P. 38, P. 41 hingga P. 43, P. 47 hingga P. 49, P. 51, P. 52, P. 55, P. 56, dan P. 59 hingga P. 64 untuk Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam Penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah No. 9 Tahun 1984 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telahpun menerangkan tentang keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran Belanja Mengurus, 1982 dan 1983 dan juga Anggaran Pembangunan, 1982 dan 1983. Di samping itu penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan anggaran tambahan ini adalah juga diberi dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah No. 4 Tahun 1984 dan No. 6 Tahun 1984 sebagai Anggaran Belanja Mengurus (Tambahan Keempat) Tahun 1982 dan Tambahan Pertama bagi tahun 1983 dalam Kertas Perintah No. 8 Tahun 1984 dan No. 10 Tahun 1984 sebagai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan Keempat), 1982 dan Tambahan Pertama Tahun 1983. Oleh itu saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

*Maksud B. 1, B. 2 dan B. 7 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P. 7 (Anggaran Pembangunan) (Tamb.) (Bil. 4), 1982—*

*Maksud P. 7 dan P. 9 (Anggaran Pembangunan) (Tamb.) (Bil. 1), 1983—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B. 1, B. 2, B. 7 untuk Tambahan Pertama, 1983 dan P. 7 untuk Tambahan Keempat, 1982, P. 9 untuk Tambahan Pertama, 1983 di bawah Kementerian Perdana Menteri terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$956,300 untuk maksud B. 1; \$670,631 untuk Maksud B. 2 dan \$316,880 untuk Maksud B. 7 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$956,300 untuk Maksud B. 1; \$670,631 untuk Maksud B. 2 dan \$316,880 untuk Maksud B. 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$30 yang disebutkan dalam Maksud P. 7 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1982; dan perbelanjaan sebanyak \$1,920,030 yang disebutkan dalam Maksud P. 7 dan \$2,325,000 dalam Maksud P. 9 dalam Anggaran Pembangunan Pertama bagi tahun 1983 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$30 untuk Maksud P. 7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1982; dan wang sebanyak \$1,920,030 untuk Maksud P. 7 dan \$2,325,000 untuk Maksud P. 9 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984.

*Maksud P. 15 dan P. 17 (Anggaran Pembangunan) (Tamb.) (Bil. 1), 1983)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P. 15 dan 17 di bawah Tambahan Pertama, 1983 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P. 15 dan \$1,265,590 dalam Maksud P. 17 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1983 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 15 dan \$1,265,590 untuk Maksud P. 17 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1983.

*Maksud P. 24 (Anggaran Pembangunan) (Tamb.) (Bil. 4), 1982)—*

*Maksud P. 19 (Anggaran Pembangunan) (Tamb.) (Bil. 1), 1983)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P. 24 dan P. 19 di bawah Kementerian

Perusahaan Utama terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P. 24 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1982; dan perbelanjaan sebanyak \$2,000,010 yang disebutkan dalam Maksud P. 19 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1983 di bawah Kementerian Perusahaan Utama hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1982; dan wang sebanyak \$2,000,010 untuk maksud P. 19 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1983.

*Maksud P. 25 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1982)—*

*Maksud P. 20 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1983)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P. 25 (Tamb.) (Bil. 4), 1982 dan P. 20 untuk Tambahan 1983 terbuka untuk dibahaskan.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, Maksud P. 20 mengenai memperbaiki dan memulih semula projek-projek yang rosak oleh banjir.

Tuan Pengerusi, pada dua tahun yang lepas Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri telah menjamin bahawa \$5.5 juta telah diperuntukkan untuk pengendalian parit-parit dan taliair di

kawasan Wilayah Persekutuan dan Negeri Selangor memandangkan banjir sering berlaku yang menjejaskan orang ramai. Tuan Pengerusi, setakat ini banjir-banjir kilat sudah pun menjadi satu kejadian yang biasa di kebanyakan tempat termasuk kawasan Kepong, Kuala Lumpur Bandar, Sungei Besi dan sebagainya. Di kawasan Kepong terutama sekali bagi penduduk-penduduk di sepanjang Sungei Keroh, Kampung Kasipilay, Segambut dan beberapa tempat di Sentul termasuk Kampung Batu, Taman Kok Lian. Kawasan-kawasan ini sering menghadapi banjir kilat. Sungai-sungai Keroh dan Jinjang termasuk cabang Sungai Gombak dekat Jalan Ipoh dan Kampung Kasipilay mestilah diperdalam dan dilebarkan. Sungai Keroh misalnya telah diperdalamkan pada tahun lepas akan tetapi oleh kerana ianya hanya didalman, laju arus air di dalamnya telah bertambah deras sehingga tebing-tebing sungai tersebut telah runtuh. Penduduk-penduduk di sepanjang sungai ini sentiasa berada dalam bahaya runtuh tebing pada bila-bila masa sahaja.

Pemendapan di anak sungai Sungai Gombak yang berhampiran Kampung Railway, Sentul Pasar lazimnya mengakibatkan kejadian banjir kilat di kawasan tersebut. Banjir ini bukan sahaja merbahaya pada kanak-kanak kecil dan orang-orang tua tetapi juga mengakibatkan kesesakan lalulintas di Jalan Kepong. Paras air kadangkala meningkat sehingga 5' hingga 6' dan menyusahkan kira-kira lebih daripada 20 keluarga di Kampung Railway. Tiga hari yang lepas berlakunya satu banjir kilat di Sentul yang menjejaskan lebih daripada 100 keluarga dan menyebabkan satu orang tua meninggal dunia.

Tuan Pengerusi, di sini saya menyeru Kementerian Pertanian supaya memperuntukkan bagi Jabatan

Parit dan Taliair untuk kerja-kerja pengendalian dan projek-projek pembangunan yang terlalu kurang ini supaya dinaikkan pada sekurang-kurangnya \$3 juta bagi kerja-kerja pengendalian dan \$800 juta bagi projek-projek pembangunan di Wilayah Persekutuan.

Pada masa ini saya diberitahu bahawa ada rancangan untuk membina Ampangan merentasi Sungai Gombak dan Sungai Batu tetapi sekarang projek-projek ini tidak diperlihatkan lagi kerana kekurangan wang. Dan oleh kerana masalah banjir di kawasan Wilayah Persekutuan dan di kawasan Negeri Selangor kian menjadi-jadi, saya berharap peruntukan yang disebutkan tadi dapat diadakan supaya masalah ini dapat dikurangkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$40 yang disebutkan dalam Maksud P. 25 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Keempat bagi tahun 1982; dan perbelanjaan sebanyak \$100 yang disebutkan dalam Maksud P. 20 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1983 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$40 untuk Maksud P. 25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1982; dan wang sebanyak \$100 untuk Maksud P. 20 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1983.

*Maksud B. 21 (Jadual Kedua)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B. 21 di bawah Tambahan (Bil. 1) 1983 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$6,034,669 untuk B. 21 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$6,034,699 untuk Maksud B. 21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

*Maksud B. 27 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P. 30 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1982)—*

*Maksud P. 27 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1983)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala Perbekalan B. 27 dan Kepala P. 30, P. 27 di bawah Tambahan Pertama 1983, Tambahan Keempat 1982 dan Tambahan Pertama 1983 terbuka untuk dibahas.

6.01 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, P. 27—Pelajaran Menengah, Pelajaran Teknik Vokasional dan Latihan Guru.

Tuan Pengerusi, Kerajaan tidak patut begitu yakin sekali bahawa kualiti pelajaran telah dinaikkan, dengan kenaikan nisbah murid, guru

daripada 1 kepada 33 bagi tahun 1970 kepada 1 kepada 28 bagi tahun 1980 atau pertambahan bilangan Maktab Latihan Perguruan daripada 14 kepada 25.

Tuan Pengerusi, usaha meninggikan bilangan guru oleh Kementerian Pelajaran mesti dikaitkan dengan keperluan tentang tenaga kerja negara. Pelan Induk Pembangunan Tenaga Kerja Negara tahun 1983 telah menunjukkan bahawa selepas golongan perguruan kurangan tenaga kerja yang paling mendesak menjelang tahun 1990 akan melanda golongan guru sekolah rendah dan menengah, kurangnya dianggarkan seramai 9,200 orang. Anehnya, pelan induk ini juga menunjukkan bahawa lebih tenaga kerja yang kedua besar menjelang tahun 1990 akan dialami oleh golongan guru universiti dan pengajian tinggi seramai 5,380 orang. Kerajaan dan khususnya Kementerian Pelajaran mesti mula berwaspada dari sekarang kerana tekanan guru-guru di sekolah-sekolah rendah dan menengah sudah mulai dirasai terutama sekali di dalam kelas-kelas KBSR seperti yang telah saya nyatakan dalam perbincangan Titah Ucapan Kebawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kementerian Pelajaran sendiri telah mengakui di dalam Dewan yang mulia ini baharu-baharu ini bahawa masalah kekurangan guru telah berulang terutama sekali dengan menjelangnya penggal pertama tiap-tiap tahun.

Memang benar bahawa dengan pertukaran tempoh kursus latihan perguruan dari 2 hingga 3 tahun masalah kekurangan dan dialami dalam satu tahun perantaraan. Akan tetapi angka-angka guru lepasan dari Maktab Perguruan bagi tahun-tahun lepas menunjukkan bahawa ianya semakin menurun. Bagi tahun 1982 ia adalah 4,999 dan bagi tahun 1983 pula 3,706. Memandang bahawa kurang tenaga kerja bagi sekolah-sekolah

menengah dan rendah adalah dianggarkan 9,200 menjelang tahun 1990 jurangnya mesti disempitkan dari sekarang juga.

Tuan Pengerusi, bilangan guru latihan di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan kerana masalah kekurangan guru-guru ini telah menjadi lebih dasyat semenjak pelaksanaan semenjak pelaksanaan sistem KBSR dan pengambilan guru-guru pelatih ke Maktab Perguruan. Misalnya, dalam tahun 1981—881 orang guru pelatih telah diterima masuk, guru ini akan dilatih untuk aliran Cina dan mereka masuk ke Maktab Perguruan pada tahun 1981 ialah 881 orang. Hanya lebih kurang 600 pula berjaya dalam tahun 1982 dan lebih kurang 400 sahaja dalam tahun 1983. Bagi tahun 1984 Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran telah memberi berbagai jaminan bahawa lebih kurang 900 orang guru pelatih akan diterima ke Maktab Perguruan akan tetapi hanya lebih kurang 400 sahaja yang diambil. Memang alasan telahpun diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran. Lagi pun dengan pelaksanaan Dasar Kelayakan Bahasa bilangan guru sementara, guru sandaran juga akan jatuh dan memburukkan keadaan kekurangan.

Tuan Pengerusi, mengenai pelajaran teknik dan vokasional, baharu-baharu ini semasa mengumumkan usaha-usaha Kementerian Pelajaran untuk mewujudkan satu sistem pendidikan menengah dan rendah lebih di perbincangkan. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia telah mengumumkan bahawa semua sekolah teknik dan vokasional memakan kos perbelanjaan sebanyak 5 kali lebih daripada sekolah-sekolah biasa. Akan tetapi faedah-faedah yang diterima adalah tidak memuaskan. Kononnya, sekolah-sekolah ini terpaksa dibiayai oleh Bank

Pembangunan Asia. Tuan Pengerusi, pada masa yang sama Pengarah Pelajaran Teknikal dan Vokasional menyatakan bahawa menjelang tahun 1990 48 buah sekolah vokasional lagi akan dibina sebagai tambahan kepada 34 yang sedia ada. Menurut beliau seramai 17,000 pelajar akan dimasukkan ke dalam sekolah-sekolah ini. Percanggahan di antara kedua-dua kenyataan ini mesti diterangkan oleh Kementerian berkenaan, jika tidak, ia hanya menunjukkan kekurangan penyelarasan dan matlamat yang sama di dalam Kementerian pelajaran. Sekian terima kasih.

6.18 ptg.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Datuk Mohamed Khalil Yaakob):** Tuan Pengerusi, saya ingin memberi jawapan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong, khususnya menyentuh pertama mengenai apa dikatakan masalah kekurangan guru dan keterangan-keterangan yang telah kita berikan di dalam hal ini di dalam Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat sendiri sudah pun memperakui bahawa beberapa penjelasan telah kita buat di dalam rangka kita menjawab soalan-soalan yang ditimbulkan.

Saya ingin menyatakan di sini apa yang kita maksudkan ialah masalah kekurangan guru yang terlatih dan di mana kekurangan ini timbul Kementerian telah mengisikan kekurangan ini dengan guru-guru sandaran. Jadi kalau kita mengatakan wujudnya kekurangan guru-guru di sekolah-sekolah kita yang kita maksudkan sebenarnya ialah kekurangan guru-guru terlatih. Dalam mengatasi masalah ini, khususnya bagi kemasukan ke mana-mana Maktab yang mengeluarkan guru-guru mengajar ke sekolah-sekolah rendah dan sebahagiannya ke sekolah menengah, saya ingin menyatakan

kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kelayakan bahasa kelayakan bahasa seperti yang disebutkan tadi tidak akan kita kompromikan kerana kelayakan bahasa ini merupakan satu persetujuan dan keputusan yang telah kita capai dan setakat ini telah berjalan dengan baik.

Saya ingin juga menjelaskan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat kekurangan guru yang terdapat untuk mengajar di kelas-kelas KBSR. Seperti yang juga kita terangkan di dalam Dewan ini, untuk melaksanakan program KBSR ini kita tidak menghadapi kekurangan guru kerana guru-guru dan pihak-pihak ataupun kelas-kelas lain sebenarnya juga dihantar dan dilatih untuk mengajar KBSR. Pihak Kementerian telah menentukan tidak terdapatnya kekurangan guru ataupun kita menghadapi masalah guru untuk mengajar KBSR.

Mengenai perkara yang melibatkan Sekolah-sekolah Vokasional dan Teknik yang mana penjelasan diperlukan oleh Ahli Yang Berhormat, saya ingin menyatakan di sini memang menjadi dasar kita, perancangan kita sekarang untuk menambahkan Sekolah-sekolah Vokasional daripada angka yang ada memandangkan dasar-dasar dan konsep Kerajaan yang telah kita wujudkan seperti Dasar Persyarikatan Malaysia dan Pengswastan dan hasrat untuk meningkatkan lagi perindustrian dan sebagainya, memerlukan banyak lagi tenaga-tenaga mahir mengikut lanjutan atau projeksi yang dibuat oleh Kerajaan.

Jadi satu daripada penghasilan ke arah memenuhi kehendak tenaga mahir ini perlulah datang daripada Sekolah-sekolah Vokasional kita dan itulah sebabnya kita meningkatkan ataupun merancang meningkatkan Sekolah-sekolah Vokasional ini, selain daripada kita juga mengambil

tindakan sekarang untuk menambah dan mengemaskinikan kursus-kursus yang ada di Sekolah-sekolah Vokasional.

Bantuan daripada Bank Pembangunan Asia seperti yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, memanglah kita adakan dalam rangka kita menyediakan pembangunan bagi Sekolah-sekolah Vokasional.

Saya rasa inilah dua tiga perkara yang saya ingin jelaskan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$14,600,000 untuk Maksud B. 27 di bawah Kementerian Pelajaran jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$14,600,000 untuk Maksud B. 27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga dengan masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$20 yang disebutkan dalam Maksud P. 30 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1982; dan perbelanjaan sebanyak \$40 yang disebutkan dalam Maksud P. 27 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1983 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$20 untuk Maksud P. 29 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1982; dan wang sebanyak \$40 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1983.

*Maksud B. 31 (Jadual Pertama)—*

*Maksud B. 28 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P. 28 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1963)—*

**Tuan Pengerusi:** Maksud B. 31 di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Keempat, 1982 dan B. 28 di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1983 dan Maksud P. 28 di bawah Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama, 1983 terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$8,170,000 untuk Maksud B. 31 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sejumlah \$23,879,720 untuk Maksud B. 28 jadi sebahagian daripada Jadual Kedua di bawah Kementerian Luar Negeri hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$8,170,000 untuk Maksud B. 21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak \$23,879,720 untuk Maksud B. 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$12,386,120 yang disebutkan dalam Maksud P. 28 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1983 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujui.

Wang sebanyak \$12,386,120 untuk Maksud P. 28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1983.

*Maksud B. 30 dan B. 31 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P. 32 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1982)—*

*Maksud P. 29 dan P. 32 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1983)—*

**Tuan Pengerusi:** Maksud Bekalan B. 30 dan B. 31 dan Maksud P. 32 di bawah Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1982 dan Maksud P. 29 dan P. 32 untuk Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1983 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$272,649,400 untuk Maksud B. 30 dan \$2,350,000,000 untuk Maksud B. 31 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$272,649,400 untuk Maksud B. 30 dan \$2,350,000,000 untuk Maksud B. 31 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam maksud P. 32 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1982; dan perbelanjaan sebanyak \$600,000,030 yang disebutkan dalam maksud P. 29 dan \$14,638,150 dalam Maksud P. 32 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1983 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk maksud P. 32 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1982; dan wang sebanyak \$600,000,030 untuk Maksud P. 29 dan \$14,638,150 untuk Maksud P. 32 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1983.

*Maksud P. 34 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1983)—*

**Tuan Pengerusi:** Maksud P. 34 bagi Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama, 1983 di bawah Kementerian Perusahaan Awam terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$20 yang disebutkan dalam Maksud P. 34 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1983 di bawah Kementerian Perusahaan Awam hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$20 untuk Maksud P. 34 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1983.

*Maksud B. 36, B. 37 dan B. 40 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P. 21 dan P. 41 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4), 1982)—*

*Maksud P. 36, P. 37, P. 38, P. 41, P. 42 dan P. 43 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1983)—*

**Tuan Pengerusi:** Maksud B. 36, B. 37 dan B. 40 untuk Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1983 dan Maksud P. 21 dan P. 41 bagi Anggaran Pembangunan

Tambahan Keempat, 1982; dan Maksud P. 36, P. 37, P. 41, P. 42 dan P. 43 bagi Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama, 1982 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas.

6.29 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, Maksud B. 36 . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Panjangkah?

**Dr Tan Seng Giaw:** Panjang juga.

**Tuan Pengerusi:** Kalau panjang, sila sambung esok (*Ketawa*).

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat di tangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*